

Leila Khaled: Tokoh Pejuang Nasionalis Wanita Palestin Menentang Imperialisme Zionis, 1959-1972

Leila Khaled: A Nationalist Fighter Figure of Palestine Women's Resistance Against the Zionist Imperialism, 1959-1972.

Muhamad Hasrul Zakariah

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

Corresponding author: hasrul74@usm.my

Received: 16 June 2025; Accepted: 15 August 2025

Abstrak

Makalah ini meneliti sejarah perjuangan politik Leila Khaled yang merupakan aktivis radikal dari organisasi *Popular Front for the Liberation of Palestine* atau PFLP. Objektif utama wacana ini ialah untuk menganalisis sejarah penglibatan Leila Khaled dalam gerakan politik radikal dan militan dalam menentang penjajahan Israel antara tempoh tahun 1959 sehingga tahun 1972 apabila Leila menjadi aktivis Arab Nationalist Movement (ANM), dan diikuti sebagai komrad PFLP sehinggalah PFLP menghentikan tindakan rampasan kapal terbang dalam strategi politik mereka. Fokus utama makalah ini ialah berkisar tentang tindakan kontroversi Leila dalam perjuangan pembebasan Palestin apabila menjadi wanita Palestin pertama yang melaksanakan misi rampasan kapal terbang penumpang pada tahun 1969 dan 1970. Tindakan berani Leila telah mengejutkan komuniti penerbangan dan menyedarkan masyarakat antarabangsa tentang kisah penderitaan rakyat Palestin yang dijajah oleh regim Zionis sejak tahun 1948. Makalah ini yang menggunakan sumber dan metodologi penyelidikan disiplin sejarah turut mendedahkan intipati ideologi politik serta idealisme pemikiran Leila tentang perjuangan nasionalisme Palestin, termasuklah motivasi yang mendorong tindakan nekad melaksanakan misi rampasan kapal terbang tersebut. Dapatan dari naratif sejarah ini tentang kebangkitan gerakan nasionalisme kaum wanita dan ideologi perjuangan revolusioner oleh Leila Khaled membuktikan bahawa kaum wanita mempunyai sumbangan yang signifikan dalam sejarah perjuangan nasionalisme Palestin di sebalik tembok budaya patriarki konservatif yang masih menebal di Dunia Arab pada ketika itu.

Kata kunci: Palestin, Arab, Zionis, nasionalisme, radikal

Abstract

This paper examines the history of the political struggles of Leila Khaled, a radical activist from the Popular Front for the Liberation of Palestine (PFLP) organization. The main objective of this study is to analyze the involvement of Leila Khaled in radical and militant political movements opposing the Israeli occupation from 1959 to 1972, a period when Leila was the Arab Nationalist Movement (ANM) activist, subsequently the PFLP's comrade until the PFLP ceased its plane hijacking strategy. The focus of this paper revolves around Leila's controversial actions in the struggle for Palestine's liberation when she became the first Palestinian woman to carry out a mission to hijack a passenger plane in 1969 and 1970. Leila's brave action has shocked the aviation community and made the international society more aware of the outcry of the Palestinian people, who have been colonized by the Zionist regime since 1948. This paper, which employs historical research methodology and sources, also reveals the essence of Leila's political ideology and idealism regarding the Palestinian nationalism struggle, including the motivations that drove her daring actions in carrying out the plane hijacking mission. The findings from this historical narrative revealed the rise of the women's nationalist movement and the revolutionary struggle ideology, as demonstrated by Leila Khalid, showing that women made significant contributions to the history of Palestinian nationalism despite the prevailing conservative patriarchal culture that still existed in the Arab World at that time.

Keywords: *Palestine, Arab, Zionist, nationalism, radical*

Pengenalan

Perjuangan nasionalisme rakyat Palestin menentang penjajahan Zionis telah tercetus sejak awal Perang Dunia Pertama lagi. Imigrasi beramai-ramai etnik Yahudi dari Eropah ke Palestin yang pertama bermula pada tahun 1882 telah mencetuskan kegusaran dan penentangan penduduk Arab, dan penentangan tersebut kian meningkat apabila gelombang kedua imigran Yahudi Eropah mula membanjiri Palestin pada era 1930-an (Muhamad Muslih 1988, 70). Pada tahun 1932 misalnya, jumlah imigran baharu Yahudi ialah sekitar 9,500 orang dan jumlah ini meningkat dengan drastik kepada 42,359 orang pada tahun 1934 dengan majoriti mereka berasal dari Jerman. Perubahan demografi ini diikuti pula dengan kemajuan tahap sosioekonomi di kawasan penempatan imigran Yahudi, atau *Yishuv* dengan pendatang Yahudi meningkatkan jumlah pemilikan tanah yang dibeli dari tuan tanah Arab iaitu dari 18,895 *dunams* (100 *dunams* bersamaan dengan 0.1 hektar atau 2.47105 ekar) pada tahun 1932 kepada 36,991 *dunams* pada tahun 1933, dan meningkat kepada lebih 62,114 *dunams* pada tahun 1934 (Lachman 2005, 54). Keadaan ini kemudiannya diburukkan lagi dengan polisi kuasa besar dunia ketika itu seperti Perancis dan Britain yang memeterai perjanjian Sykes-Picot sejak tahun 1916 untuk membahagikan wilayah Uthmaniyyah termasuk Palestin pasca Perang Dunia Pertama kepada dua pengaruh kuasa besar ini. Perjanjian tersebut kemudiannya diikuti pula dengan perisytiharaan terbuka pihak British yang menyokong usaha pembentukan negara Israel melalui Deklarasi Balfour yang diproklamasikan pada 2 November 1917. Kedua-dua perjanjian ini kemudiannya telah membuka jalan kepada kemasukan lebih ramai imigran Yahudi ke Palestin setelah asas perjanjian tersebut diperakukan dalam Persidangan San Remo pada April 1920 bagi membentuk sistem pentadbiran baharu bagi bekas wilayah Uthmaniyyah di Asia Barat, termasuk di Palestin selepas Perang Dunia Pertama. Liga Bangsa-bangsa atau *League of Nations* ketika itu kemudiannya menyerahkan wilayah Palestin untuk ditadbir sebagai wilayah Mandat British (1920-1948), dan di bawah pentadbiran Mandat British

ini proses kemasukan imigran Yahudi ke Palestin menjadi lebih rancak khususnya melalui naungan Pesuruhjaya Tinggi British pertama ke Palestin ketika itu iaitu Sir Herbert Samuel yang merupakan seorang penyokong Zionis tegar. Menurut Christopher Sykes (1965) perlantikan Samuel ini merupakan “*a great victory for Zionism*” (Sykes 1965, 54). Malahan sebaik dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi, Samuel meluluskan serta merta 16,500 sijil penempatan imigran baharu Yahudi dari Eropah ke Palestin, menganugerahkan projek pembinaan infrastruktur awam kepada pertubuhan buruh Zionis dan mengisytiharkan bahasa Hebrew sebagai bahasa rasmi pentadbirannya di Palestin (Caplan 2005, 4). Sementelah itu, Setiausaha Luar Britain, Arthur James Balfour sendiri mengakui dalam memorandum pada tahun 1918 bahawa kuasa besar dunia pada era Perang Dunia Pertama iaitu Perancis, Britain, Amerika Syarikat dan Rusia menyokong aspirasi gerakan Zionis untuk menubuhkan sebuah negara Yahudi di Palestin, dan sikap kuasa besar ini digambarkan sebagai “*committed to Zionism and Zionism, be it right or wrong, good or bad, is rooted in age-long tradition*” (Sykes 1965, 8). Justeru sejak tamatnya Perang Dunia Pertama tersebut, kebangkitan nasionalisme penduduk Palestin begitu hebat dalam menentang kebanjiran imigran haram Yahudi berideologi Zionis ke Palestin yang disokong oleh pemerintah Mandat British. Salah satu kelompok masyarakat yang turut terlibat aktif dan menyumbang secara signifikan kepada gerakan penentangan tersebut ialah golongan nasionalis wanita Palestin.

Makalah ini akan meneliti sejarah perjuangan gerakan nasionalis wanita Palestin ini dan ideologi politik yang mendasari perjuangan mereka. Fokus utama wacana ini tertumpu kepada salah seorang tokoh tersohor nasionalis wanita Palestin iaitu Leila Khaled yang kontroversi. Nama Leila menjadi terkenal seantero dunia setelah terlibat dalam peristiwa rampasan kapal terbang awam, Boeing 707 TWA Flight 840 milik Trans World Airlines (TWA) pada 29 Ogos 1969 yang ketika itu dalam penerbangan dari lapangan terbang antarabangsa Leonardo da Vinci, Rome menuju ke lapangan terbang antarabangsa Ben Gurion, Tel Aviv, Israel. Peristiwa yang menggegarkan industri penerbangan dunia merupakan sebahagian daripada kempen kebangkitan rakyat Palestin menentang imperialisme Zionis dan pemerintahan Raja Hussein di Jordan pada era tahun 1970-an. (Singh. 2015. 137; Central Intelligence Agency-CIA 1972, 2; Muhamad Hasrul 2010, 57-60). Leila kemudiannya sekali lagi terlibat dengan rampasan pesawat penumpang Boeing 707 milik penerbangan Israel, EL AL 219 yang dalam penerbangan dari lapangan terbang antarabangsa Schiphol, Amsterdam menuju ke New York pada 6 September 1970 sebagai sebahagian daripada operasi *Dawson's Field* bagi merampas kapal terbang penumpang oleh gerila PFLP.

Selain itu, perbincangan dalam makalah ini akan mencerakinkan sejarah penglibatan Leila Khaled dalam gerakan radikal nasionalis Palestin khususnya melalui organisasi *Popular Front for the Liberation of Palestine*, (*al-Jabhat ash-Sha'biyah lil Tahrir Falastine*) atau singkatannya PFLP yang dtubuhkan oleh Dr. George Habbash selepas tamatnya perang Arab Israel, 1967. Di samping itu, aspek-aspek penting pemikiran politik Leila turut akan diperhalusi khususnya pandangan tentang gerakan revolusi bersenjata termasuklah tindakan nekad sebanyak dua kali dalam peristiwa rampasan pesawat penumpang yang dikaitkan dengan regim Israel pada tahun 1969 dan 1970. Menggunakan metodologi penyelidikan disiplin sejarah, kajian ini banyak merujuk kepada sumber-sumber dokumen berbahasa Arab, sumber arkib Britain dan Amerika Syarikat di samping autobiografi Leila sendiri berjudul ‘*My People Shall Live*’ yang diterbitkan pada tahun 1973. Perbincangan dalam makalah ini juga menfokuskan kepada tempoh aktif perjuangan politik radikal Leila Khaled iaitu setelah menyertai gerakan *Arab National Movement* (ANM) pada tahun 1959 sehinggalah PFLP menamatkan tindakan merampas pesawat penumpang sebagai sebahagian strategi perjuangan mereka pada tahun 1972.

Sorotan Sejarah Kemunculan Gerakan Nasionalisme Palestin

Pada zaman pemerintahan Turki-Uthmaniyyah di Syria (termasuk Palestin) iaitu antara tahun 1517 hingga 1918 menyaksikan struktur dan kuasa politik di Palestin didominasi oleh kelas sosial aristokrat khususnya selepas berlakunya reformasi dalam pentadbiran dan perkembangan perdagangan Empayar Uthmaniyyah pasca 1856. Menurut Muhamad Muslih (1988) golongan aristokrat Palestin ini menguasai hierarki politik dalam struktur sosial masyarakat dan pentadbiran birokrasi kerajaan. Ideologi politik Palestin pada peringkat awal ini berkembang dalam kumpulan aristokrat yang kebanyakannya tinggal di kawasan bandar seperti di Damsyik, Baitul Maqdis dan Nablus serta boleh dibahagikan kepada empat period utama iaitu era ideologi Uthmanisme atau *Ottomanism* (1856-1918) era Arabisme (1908-1914), era nasionalis Arab (1914-1920) dan period nasionalis Palestin antara tahun 1918 hingga 1920 (Muhamad Muslih 1988, 1). Selain memegang jawatan-jawatan penting dalam struktur birokrasi Uthmaniyyah, keluarga aristokrat Palestin ini juga merupakan tuan-tuan tanah yang kaya raya pada ketika itu. Antara mereka termasuklah keluarga al-Khalidi di Baitul Maqdis. Ahli keluarga Khalidi secara turun temurun memegang jawatan penting dalam pentadbiran Uthmaniyyah di Palestin selain muncul sebagai tokoh-tokoh agama yang disegani. Contohnya ialah Ruhi al-Khalidi (1861-1913) yang menganggotai parlimen Uthmaniyyah pada tahun 1908 dan 1912 mewakili bandar Baitul Maqdis. Al-Shaykh Khalil al-Khalidi (1863-1941) pula merupakan presiden Mahkamah Rayuan Syariah dan al-Shaykh Raghīb al-Khalidi yang telah menubuhkan perpustakaan al-Khalidiyya pada tahun 1900 di Bab al-Silsilah di bandar lama Baitul Maqdis (al-Asad 1970, 108-114).

Sebuah lagi keluarga yang berpengaruh di Palestin ialah keluarga al-Husayni. Pada akhir tahun 1900, keluarga ini sangat kaya dengan memiliki lebih 50,000 *dunams* tanah di Palestin termasuk kawasan pertanian yang amat subur di bandar Jericho. Ahli keluarga Husayni secara tradisinya memegang jawatan penting pada era Uthmaniyyah misalnya sebagai datuk bandar Baitul Maqdis yang pertama, Salim al-Husayni yang dilantik pada tahun 1880. Anak Salim, Husayn dan Musa Khazim Pasha turut menurut jejak langkah bapa mereka dengan menjadi datuk bandar Baitul Maqdis pada dekad kedua kurun ke-11 (Zeine 1973, 86). Selain itu terdapat juga keluarga Nashashibi di Baitul Maqdis. Mereka juga merupakan tuan-tuan tanah yang kaya raya dan berpengaruh seperti ‘Uthman al-Nashashibi yang telah dilantik ke parlimen Uthmaniyyah pada tahun 1912 dan Raghīb al-Nashashibi yang merupakan ketua jurutera di bandar Baitul Maqdis dan kemudiannya menjadi ahli parlimen pada tahun 1914 (Hitti 1985, 26). Keluarga aristokrat dan tuan tanah di Baitul Maqdis mempunyai kedudukan sosial dan politik yang tertinggi walaupun terdapat juga keluarga-keluarga kaya lagi berpengaruh di bandar lain Palestin. Antaranya di Mount Nablus terdapatnya keluarga Tuqans, Abd Hadis, Barqawi, Jarrar, Nimrs dan al-Qasim (Muhamad Muslih 1988, 28). ‘Awni ‘Abd al-Hadi dari keluarga ‘Abd al-Hadis misalnya merupakan seorang peguam tersohor di Palestin, yang kemudiannya menjadi antara pelopor gerakan nasionalisme Arab sebelum dilantik sebagai penasihat politik kepada Amir Faysal di Syria pada tahun 1919 (Antonious 1969, 111).

Berhubung sejarah awal perkembangan nasionalisme Palestin pada era yang pertama tadi, ideologi Uthmanisme merupakan ideologi politik utama penduduk Arab yang mendiami wilayah dari timur Suez termasuklah di Palestin dan Syria sehingga kejatuhan Empayar Turki-Uthmaniyyah pada tahun 1918. Ideologi ini menekankan tentang kesatuan Empayar Uthmaniyyah sebagai benteng terbaik Islam dalam mendepani cabaran imperialisme, ekonomi dan kebudayaan Eropah. Period Arabisme pula menonjolkan intipati ideologi politik yang hampir sama tetapi disertakan dengan kesedaran mempertahankan bangsa Arab dari ancaman Barat. Pada era ke dua ini, telah berkembang kebangkitan kelas menengah Arab yang menuntut autonomi daripada

Istanbul sebagai alternatif kepada kekuasaan politik kerajaan pusat dan bangsa Turki. Walau bagaimanapun pada era tersebut masih tidak kelihatan suara-suara yang menyeru kepada kemerdekaan wilayah Arab sepenuhnya sehingga tahun 1914. Suara-suara nasionalisme Arab ini hanya bergema sejak tahun 1919 di wilayah Syria. Pada tempoh ini sudah kedengaran desakan untuk memerdekakan wilayah Arab daripada pentadbiran kerajaan Turki-Uthmaniyyah dan dominasi bangsa Turki. Malahan konsep ‘Syria Raya’ (Greater Syria) kian berkembang hebat. Akhir sekali ialah zaman kemunculan ideologi nasionalisme Palestin iaitu bermula antara tahun 1918 hingga 1920. Era tersebut menyaksikan kebangkitan nasionalis Palestin yang berusaha untuk menghalang kemaraan imperialisme Zionis Eropah. Golongan nasionalis ini percaya bahawa asas perjuangan mereka ialah membebaskan wilayah Palestin daripada belenggu penjajahan imperialis Zionis. (Muhamad Muslih 1988, 2-3). Perlu ditekankan bahawa sehingga tahun 1920, biarpun terdapat kesedaran nasionalisme dalam kalangan penduduk Arab khususnya di Palestin tetapi kesedaran tersebut lebih menjurus kepada kumpulan-kumpulan dan wilayah yang terpisah. Selepas tahun 1920 baharulah muncul fenomena nasionalisme kebangsaan Arab dengan lahirnya terma-terma baharu seperti *al-qawmiyya al-‘Arabiyya* (Arab nasionalisme). Walau bagaimanapun istilah seperti *al-wataniyyah al-Filastiniyya* (Palestin nasionalisme) masih belum muncul dan tersebar luas. Malahan terma-terma yang merujuk Palestin sebagai sebuah negara juga masih tidak wujud sebaliknya Palestin lebih dikenali sebagai *al-Ard al-Muqadassa* (Tanah Suci) dan seringkali dirujuk sebagai wilayah *Surya al-Janubiyya* (selatan Syria).

Kebanjiran imigran Yahudi berfahaman Zionis dari Eropah Timur dan Rusia mulai tahun 1882 merupakan salah satu faktor terpenting kemunculan nasionalisme Palestin. Zionisme merupakan ideologi politik yang muncul di Eropah pada era 1880-an dalam kalangan diaspora Yahudi yang menggerakkan perjuangan politik mereka bagi menubuhkan sebuah negara Yahudi di Palestin (Cohn-Sherbok 2012, 2). Pemimpin tersohor gerakan politik Zionisme moden, Theodor Herzl sejak tahun 1897 dalam karya terkenal berjudul *Der Judenstaat* (The Jewish’s State) menegaskan bahawa intipati Zionisme ialah perjuangan politik untuk “*the restoration of the Jewish state*” (Laqueur 2003,40;84). Menurut Herzl, emansipasi bangsa Yahudi hanya akan tercapai apabila mereka berjaya menubuhkan ‘*a national, independent state*’ di ‘Tanah Yang Di Janjikan’ iaitu Palestin (Beller 1991,36). Justeru bagi mencapai impian mewujudkan negara Israel ini, proses imigrasi diaspora Yahudi ke Palestin telah digerakkan sejak sebelum Perang Dunia Pertama lagi. Pada tahun 1881 dianggarkan seramai 24,000 imigran baharu Yahudi dari Eropah telah memasuki wilayah Palestin dengan kebanyakannya berfahaman Zionisme. Majoriti mereka tinggal di bandar-bandar Palestin seperti Baitul Maqdis, Hebron, Safad dan Tiberia. Pada peringkat awal, kedatangan imigran ini tidak mencemaskan penduduk Palestin tetapi jumlah mereka yang kian bertambah kepada lebih 84,600 orang pada tahun 1914 telah menimbulkan kegusaran kepada penduduk peribumi Palestin (Great Britain Parliamentary Papers 1937, 13). Kekhuatiran terhadap lambakan pendatang Yahudi dengan ideologi Zionisme ini kemudiannya telah mencetuskan bibit-bibit nasionalisme anti-Zionis dalam kalangan penduduk Palestin. Sikap pendatang Yahudi yang tidak sensitif dan biadap kepada penduduk peribumi turut menyemarakkan api kebencian warga Palestin. Kesannya tercetuslah konflik berdarah antara imigran Yahudi dengan penduduk Palestin. Konflik yang terawal berlaku pada tahun 1886 di daerah Petah Tikva setelah imigran Yahudi menyekat laluan petani Arab di perkampungan al-Yahudiyya (Muhamad Muslih 1988, 71).

Era selepas keruntuhan Empayar Turki-Uthmaniyyah, dan jatuhnya wilayah Palestin ke tangan Britain pada tahun 1918 menyaksikan orientasi nasionalisme Palestin sebenarnya telah terbahagi kepada dua senario. Pertamanya penduduk Palestin menentang imperialisme Zionis dan yang kedua ialah sama ada nasionalisme Palestin itu cenderung kepada nasionalisme Arab atau

cenderung kepada nasionalisme ke arah identiti Palestin yang tersendiri. Contohnya keluarga Nashashibi cenderung kepada nasionalisme Arab dan kepimpinan Raja Faysal di Syria dengan Palestin sebagai salah satu entiti dalam nasionalisme tersebut (al- 'Awdat 1976, 626-630). Beberapa pertubuhan semi politik juga ditubuhkan dalam tempoh ini seperti *al-Nadi al- 'Arabi* yang berkempen kearah penentangan terhadap imperialisme Zionis dan penyatuan Arab. Antara pemimpinnya yang terkenal ialah Muhammad Hasan al-Budayri, 'Arif al-Arif dan Muhammad Amin dari keluarga al-Husayni (Muhamad Musleh 1988, 165-167). Selain itu terdapat juga pertubuhan yang agak radikal kerana bukan sahaja menentang imperialisme Zionis tetapi juga penjajahan British. Antaranya ialah pertubuhan *Jam'iyyat al-Ikha' wal- 'Afaf* yang diasaskan pada tahun 1918. Para pemimpin pertubuhan ini yang dianggap radikal termasuklah Mahmud al-Dabbagh, 'Aziz al-Khalidi dan 'Abd Halim al-Tawbji. Dalam satu laporan perisikan British yang disediakan oleh pembantu pegawai politik perisikan British di Baitul Maqdis ketika itu, J.N Camp (1919) menyatakan bahawa anggota kumpulan ini sebagai "*host of ordinary ruffians and cut-throats*" dan seringkali melakukan "*dirty work*".

Selain kelompok nasionalis Palestin yang cenderung kepada doktrin nasionalisme Pan-Arabisme, terdapat juga kumpulan yang menekankan tentang nasionalisme Palestin yang tersendiri. Malahan kelompok ini lebih cenderung kepada perjuangan yang menuntut pihak British pada ketika itu untuk memberikan kemerdekaan kepada Palestin sebagai satu entiti bebas dan bukannya sebagai sebahagian negara Arab khususnya Syria. Mereka juga seringkali menggunakan slogan 'Negara kami Palestin' atau *biladuna Filastin*. (Porath 1974, 92-93). Kesedaran ini juga turut disumbangkan oleh tindak tanduk pertubuhan politik Arab di Syria yang bersifat anti-Palestin dan seringkali menganggap penduduk Palestin sebagai 'orang asing'. Apatah lagi kebencian terhadap kepimpinan Raja Faysal I ketika itu yang mengadakan perbincangan dan persetujuan dengan kepimpinan Zionis berhubung masa depan Palestin khususnya dalam Persidangan Damai Paris pada tahun 1919 (Kedourie 1956, 159-160).

Terdapat beberapa pertubuhan nasionalis Palestin yang didominasi oleh golongan aristokrat Palestin pada era Perang Dunia Pertama, namun pendekatan mereka lebih berbentuk diplomasi khususnya apabila berdepan dengan pentadbiran Mandat British (1920-1948). Walau bagaimanapun, penduduk Arab Palestin amat menyedari bahawa dasar British dalam pentadbiran mandat turut menekankan kepada tanggungjawab London untuk menyokong usaha-usaha gerakan Zionis mendirikan negara Yahudi di Palestin seperti diikrarkan dalam Deklarasi Balfour pada tahun 1917 sebelumnya. Dalam Artikel 1 Mandat yang disebut dalam Laporan Suruhanjaya di Raja 1937 jelas dinyatakan bahawa "*The Mandatory (British) shall be responsible for placing the country under such political, administrative and economic conditions as will secure the establishment of the Jews National Home*". Selanjutnya dalam Artikel 4 dinyatakan pula pengiktirafan kerajaan British terhadap kewujudan dan fungsi *Jewish Agency*, serta tanggungjawab untuk bekerjasama antara *Jewish Agency* dan pentadbiran British dalam "*the establishment of the Jews National Home and the interest of the Jewish population in Palestine*" (Palestine Royal Commission Report 1937,34,35). Justeru selain bantahan secara diplomasi, turut muncul ialah penentangan bersenjata rakyat Palestin khususnya dalam kalangan rakyat biasa seperti golongan pekerja miskin dan petani di kawasan luar bandar terhadap dasar pemerintahan Mandat British ini, dan kemaraan imperialisme Zionis. Penentangan bersenjata ini mula jelas kelihatan apabila tercetusnya revolusi rakyat Palestin pada tahun 1936. Pemimpin yang mengetuai revolusi sekali gus telah memecah dominasi politik golongan aristokrat dan mengubah pendekatan diplomasi kepada perjuangan bersenjata ialah Izz al-Deen al-Qassam (1882-1935). Bermula pada 14 November 1935, al-Qassam melancarkan penentangan bersenjatanya yang pertama terhadap pihak

British di daerah Jenin yang turut mengorbankan dirinya. Kematian al-Qassam tidak mematikan semangat penduduk Palestin untuk meneruskan perjuangan nasionalisme mereka dengan melancarkan gerakan revolusi menentang pemerintahan Mandat British pada 15 April 1936. Penentangan yang bermula dari wilayah utara Palestin itu telah merebak ke selatan Palestin dengan kebangkitan terhebat berlaku di bandar Jaffa pada 19 April menyebabkan pihak British mengebom bandar tersebut. Lanjutan daripada peristiwa tersebut, pada 25 April 1936 pertubuhan-pertubuhan politik Palestin yang selama ini menggunakan pendekatan perundingan seperti Majlis Agama Islam yang diketuai oleh Hajj Amin al-Hussayni, Parti Pertahanan Arab diketuai oleh Ragheb al-Nashashibi, Parti Reformasi pimpinan Hussein al-Khalidi dan Parti Blok Nasional diketuai oleh 'Awni 'Abd al-Hadi telah membubarkan organisasi mereka sebelum menubuhkan Jawatankuasa Tertinggi Arab bagi mengetuai perjuangan rakyat Palestin melalui strategi mogok-mogok awam dan revolusi bersenjata. Perjuangan revolusi ini berterusan sehingga Israel ditubuhkan pada tahun 1948 (Kadi 1969, 10-12).

Selanjutnya pada 22 Februari 1958, *United Arab Republic* (UAR) pula telah ditubuhkan dengan diketuai oleh Presiden Mesir, Gamal Abdel Nasser. Ideologi nasionalisme Nasser dan UAR yang turut mengaitkan perjuangan pembebasan Palestin sebagai salah satu agenda UAR telah memberi pengaruh besar kepada gerakan radikal nasionalisme rakyat Palestin. Justeru pada tahun 1959 kemudiannya telah muncul organisasi politik dalam kalangan mahasiswa di Gaza untuk meneruskan perjuangan pembebasan Palestin dengan disokong oleh UAR. Mereka kemudiannya telah menubuhkan organisasi pejuang bersenjata yang digelar al-Fatah dan telah diketuai oleh Yasser Arafat atau dikenali juga dengan gelaran Abu 'Ammar yang pernah menjadi presiden *Palestinian Student Federation* di Universiti Cairo. Ketika menuntut di Mesir, Abu 'Ammar telah terdedah dengan aktiviti ketenteraan dan terlibat dengan gerakan komando menentang British di *Port Said* dan Abu Kabir pada tahun 1956. Pada tahun 1962, gerakan al-Fatah ini kemudiannya menubuhkan *Harakat al-Tahrir al-Watani al-Filistini* (*Palestine National Liberation Movement*) yang bekerjasama rapat dengan *Arab Nationalist Movement* (ANM) yang disokong oleh Mesir. Sejak itu organisasi ini terlibat dengan pelbagai gerakan militia bagi menentang penjajahan Zionis di bumi Palestin.

Persidangan Liga Arab di Alexandria, Mesir pada 11 September 1964 seterusnya menyaksikan kumpulan pejuang Palestin dengan diketuai oleh al-Fatah tadi telah menubuhkan pula organisasi politik induk Palestin dikenali sebagai *Palestine Liberation Organization* (PLO) bagi meneruskan perjuangan bersenjata bangsa Palestin. PLO ditadbir oleh Jawatankuasa Eksekutif yang dipengerusikan oleh Ahmed Shuqairy, Ibrahim Bakr (Bebas) sebagai Naib Pengerusi dan Setiausaha Agung, Yasser Amir (Bebas). Anggota lain Jawatan Kuasa Eksekutif termasuklah Khalid al-Hawzan (Fatah), Farouk Khadoumi (Fatah), Mohammed An-Najjar (Fatah) Yousif al-Borji (al-Saiqa) dan Ahmed al-Shirabi, juga dari al-Shaiqa (Federal Bureau of Investigation, FBI 2009, 13). Selanjutnya, apabila tercetus pula perang Arab-Israel pada Jun 1967, semakin banyak pertubuhan pejuang bersenjata Palestin lain ditubuhkan bagi menentang penjajahan Israel. Antaranya termasuklah *Jabbat Tahrir Filastin* (*Palestine Liberation Front*) yang diketuai oleh Ahmad Jibril dan Ahmad Za'rur yang merupakan mantan pegawai tentera di Syria dan Jordan. Kumpulan pejuang lain termasuklah *Popular Organization for the Liberation of Palestine* (*al-Munazzamat as-Sha'biyah lil Tahrir Falastine*), *General Front for Supporting the Revolution* (*al-Jabhat al-'Aama li Da'm al-Thawra*), organisasi *the Great Giant* (*al-Marid al-Jabar*) dan *Vanguard of the Popular Liberation War* atau *Tala'I Harb al-Tahrir ash-Sha'biyah*. (Adam 1968a). Dalam konteks diskusi makalah ini, pertubuhan *Munazzamat Sbabab al-Thar*, *Abtal al-'Audah* dan *Jabbat T'ahrir Filistin* tadi kemudiannya telah bergabung untuk menubuhkan

Popular Front for the Liberation of Palestine, PFLP (*al-Jabhat ash-Sha'biyah lil Tahrir Falastine*) bagi menentang penaklukan Israel. Organisasi PFLP yang dianggotai oleh Leila Khaled ini telah melancarkan perang gerilanya yang pertama pada 6 Oktober 1967 (Kadi 1969, 24).

PFLP asalnya ialah sayap komando gerakan ANM yang ditubuhkan oleh Dr. George Habbash, seorang mahasiswa perubatan di AUB pada tahun 1967 bagi menggantikan ANM cawangan Palestin yang diasaskan pada tahun 1962. Matlamat utama perjuangan PFLP ialah 'untuk memusnahkan negara haram Israel dan sekutunya serta menolak kaedah perundingan dalam menyelesaikan konflik Israel-Palestin' (Federal Bureau of Investigation, FBI 2009, 5). Justeru, walaupun diberikan kerusi dalam pentadbiran PLO, PFLP enggan bersama-sama al-Fatah dan kumpulannya dalam organisasi induk Palestin tersebut. Pada Februari 1969, telah berlaku perpecahan dalam PFLP menyaksikan lahirnya tiga kumpulan berasingan iaitu PFLP asal di bawah Dr. George Habbash, PFLP- *General Command* yang diketuai oleh Ahmad Jibrail dan kumpulan serpihan PFLP yang diketuai oleh Nayef Hawatemah yang lebih radikal berideologi *Marxist-Lenin* dikenali sebagai *The Popular Democratic Front for the Liberation of Palestine* atau ringkasnya PDFLP. Pemisahan dengan PFLP asal yang kekal di bawah kepimpinan Dr. George Habbash berasaskan kepada pendirian keras Hawatemah yang menolak secara total sebarang kerjasama dengan mana-mana regim Arab dalam perjuangan pembebasan Palestin. Sementelah Dr. Habbash pula melihat keperluan bekerjasama yang terhad bagi tujuan sokongan kewangan dan ketenteraan dari regim Arab yang progresif. Selain daripada Dr. George Habbash, pemimpin utama lain PFLP ialah Ali Faraj, Hani Hindi, Dr. Wadih Hadad, Ahmad el-Khatib dan Naji Hussain. Kebanyakan ahli PFLP merupakan golongan pelajar universiti khususnya mahasiswa AUB termasuklah Leila Khaled (Federal Bureau of Investigation, FBI 2009, 7). Walaupun berlaku konflik dalaman antara PFLP, PFLP-General Command dan PDFLP, ketiga-tiga pertubuhan ini termasuk juga pertubuhan pejuang Palestin yang lain dalam PLO kekal melihat Israel sebagai musuh utama Palestin dan perjuangan bersenjata adalah strategi yang penting dalam revolusi Palestin (Kadi 1969, 31). Justeru semua organisasi ini komited dalam perjuangan bersenjata menentang regim Zionis seperti yang dilancarkan oleh sayap bersenjata PLO, Tentera Pembebasan Palestine (*Palestine Liberation Army*, PLA) mulai Februari 1968.

Dalam konteks perbincangan makalah ini, salah satu pertubuhan pejuang Palestin yang diberikan tumpuan ialah PFLP yang dianggotai oleh Leila Khaled. Berhubung falsafah politik PFLP, dalam dokumen politik oleh Kadi (1969) dinyatakan bahawa falsafah perjuangan pertubuhan ini bukan sahaja perjuangan revolusi rakyat menentang imperialisme British, Zionis dan Barat, malahan turut menentang regim Arab yang dilihat bersekongkol dengan kelompok imperialis Zionis dan Barat tadi. PFLP melihat kepimpinan Arab yang bersifat pro-Barat diidentifikasikan sebagai regim '*Arab reactionary*' seperti monarki Jordan. Regim seperti ini dikritik oleh PFLP kerana dianggap sebagai "*to settle a number of their partial conflicts with Israel or world imperialism for their own benefit*". Kerajaan '*Arab reactionary*' ini menurut PFLP lagi hanya mewakili suara golongan Arab kapitalis yang terdiri daripada golongan feudal, pemilik bank, para peniaga, tuan-tuan-tanah, raja-raja dan para sheikh yang kaya raya. Kumpulan regim '*Arab reactionary*' ini dilihat akan bertindak "*against any national revolutionary movement which aims at uprooting imperialism in the Arab world and building an independent economy which serves the interests of the people*" (Kadi 1969, 188). Penentangan PFLP juga tidak terhad kepada regim '*Arab Reactionary*' sahaja tetapi juga golongan ahli politik elit Palestin yang disifatkan sebagai '*The Palestinian bourgeoisie*'. Golongan ini yang terdiri daripada kumpulan kapitalis mahakaya Palestin seperti pemilik bank, pengusaha industri insuran dan peniaga akan menentang gerakan revolusi rakyat Palestin dalam mempertahankan kekayaan mereka. Justeru revolusi yang

diperjuangkan oleh PFLP dalam menentang imperialisme Barat dan Zionis natijahnya berpaksakan kepada strategi “*the destruction of imperialism implies the destruction of the wealth of the bourgeoisie*” (Kadi 1969, 199).

Kemunculan Gerakan Nasionalis Wanita Palestin

Sementelah itu, golongan wanita Palestin turut tidak ketinggalan terlibat secara aktif dalam kebangkitan nasionalisme dan perjuangan pembebasan rakyat Palestin sejak dari era 1920an lagi. Pada era mandat British tadi, bersama-sama golongan lelaki, kaum wanita telah terlibat dengan gerakan menentang pentadbiran mandat British di Palestin. Kebangkitan pejuang wanita Palestin ini berakar umbi daripada kebangkitan nasionalisme Palestin tulin dan berbeza dengan kebangkitan gerakan wanita di beberapa negara Arab ketika itu yang didorong oleh kesedaran feminisme. Para sarjana yang mengkaji sejarah kebangkitan dan gerakan wanita seperti Islah Jad merumuskan bahawa dalam konteks Palestin, “*the women’s movement under the British Mandate was not born out of a feminist impulse to articulate women’s rights per se, but rather out of women’s experience within the national movement*” (Jad 2018, 10). Diimbaz kembali, salah satu peristiwa penting yang menandakan kebangkitan terawal perjuangan nasionalisme wanita Palestin ialah apabila kaum wanita Palestin telah melakukan demonstrasi di bandar Afula pada tahun 1893 bagi memprotes pembinaan penempatan imigran Yahudi pertama di negara tersebut. Selanjutnya wanita Palestin turut terlibat dalam peristiwa kebangkitan al-Buraq di Baitul Maqdis pada tahun 1929 yang menyaksikan sembilan orang wanita Palestin maut ditembak oleh tentera British. Lanjutan daripada peristiwa tersebut satu persidangan wanita di Baitul Maqdis telah diadakan pada tahun 1929 dengan dihadiri oleh lebih 300 wanita Palestin (Palestine National Assembly 1975, 1). Hasil daripada persidangan tersebut, Jawatankuasa Eksekutif Perhimpunan Wanita Arab telah diwujudkan serentak dengan penubuhan organisasi *Palestine Arab Women’s Union* (AWU) yang bertujuan untuk mendesak pentadbir British membatalkan Deklarasi Balfour 1917, serta menamatkan segera imigrasi Yahudi Eropah ke Palestin (Jabali 2009, 29).

Selanjutnya, dalam demonstrasi besar-besaran pada tahun 1936 pula wanita Palestin telah turut terlibat dengan aktif termasuklah bertindak menyeludup senjata untuk kegunaan pejuang Palestin (Hughes 2019; Swedenburg 2003, 20). Malahan dalam demonstrasi tahun 1936 ini, terdapat wanita Palestin yang terkorban seperti Fatima Khalid Ghazal yang terbunuh dalam pertempuran antara pejuang Palestin dengan tentera British di daerah Azzoun pada 26 Julai 1936. Menjelang perang Arab Israel yang pertama pada tahun 1948 pula, wanita Palestin telah menubuhkan sebuah organisasi dikenali sebagai *Zahrat al-Uqhuwan* yang bertanggungjawab menyediakan sokongan kepada pejuang-pejuang lelaki seperti menyediakan makanan, air, senjata dan perubatan. Dalam kegiatan ini ramai wanita yang terkorban ditangan senjata Zionis seperti Hulwa Zeidan. Pada era 1965 apabila gerakan nasionalisme Palestin semakin hebat melancarkan perang gerila menentang imperialisme Zionis, golongan wanita turut tidak ketinggalan. Walaupun antara tempoh 1948 hingga 1967, wanita Palestin diharamkan menubuhkan persatuan politik kecuali menyertai parti politik sedia ada di Israel seperti Parti *Rakah* atau Parti Komunis Israel, wanita Palestin masih menggerakkan pertubuhan bawah tanah seperti organisasi *Al-Ard* yang diketuai oleh tokoh-tokoh nasionalis wanita hebat seperti Najla El-Asmar.

Selepas perang Enam Hari Arab-Israel 1967 pula, gerakan politik pembebasan Palestin menjadi lebih radikal termasuklah dalam kalangan wanita. Menurut Rosemary Sayigh yang tinggal di Lubnan pada era tahun 1970-an,

“It is difficult to separate out the Palestinian Resistance Movement (PRM) from the historical moment and mood in which it first arose, soon after the Six Day War, like a phoenix out of ashes, galvanising a whole nation humiliated by the collapse of the Arab armies. In this first glamorous début, the Resistance reaped a harvest of hero-worship from a wide spectrum of Arab public opinion, salon nationalists going so far as to call the fedayeen “angels” and “saviours” (Sayigh 1979, 144-52).

Dalam konteks perjuangan kaum wanita Palestin tadi, PLO kemudiannya telah menubuhkan *General Union of Palestine Women* (GUPW) bagi menggembelng penglibatan wanita dalam perjuangan nasionalisme Palestin (Peteet 1991, 164). Hasilnya, muncul penjuang-pejuang wanita Palestin yang radikal dalam menentang imperialisme Israel. Antaranya pada 19 Oktober 1967, gerila wanita pertama Palestin bernama Fatima Barnawi (1939-2022) yang hanya berusia 28 tahun ketika itu telah terlibat dengan serangan bom di pawagam Zion di Baitul Maqdis (Bassam 2018, 44) Sementara itu, pada Januari 1968 pula, lima wanita Palestin telah ditangkap oleh polis Israel di Nablus kerana disyaki melindungi pejuang-pejuang Fatah yang menyerang kedudukan tentera Zionis. Pada bulan April tahun yang sama, lebih 300 wanita Palestin terlibat dengan demonstrasi menentang perarakan tentera Zionis di Baitul Maqdis menyebabkan mereka telah digempur oleh tentera Israel. Ramai wanita yang berdemonstrasi cedera parah selain terbunuh khususnya di daerah di Beit Hanoum, Hebron dan Betlehem. Para wanita ini juga dengan berani terlibat dengan pelbagai tunjuk perasaan walaupun seringkali berakhir dengan kematian dan kecederaan. Contohnya pada 3 Oktober 1973, lebih 900 wanita Palestin berdemonstrasi di dewan bandaraya Nablus mendesak pembebasan tawanan lelaki Palestin yang ditahan di penjara Nablus, Jenin, Tulkarem, Beersheba dan Askelon. Selain itu, golongan wanita juga terlibat secara aktif dalam perjuangan bersenjata menentang regim Israel. Antara yang terkenal ialah seperti Abla Taha, seorang wanita hamil dari PFLP yang ditangkap pada 25 Julai 1968 kerana cubaan meletupkan bom. Begitu juga dengan Shadia Abu-Ghazaleh yang dibunuh pada 21 Oktober 1968. Tidak dilupakan ialah Mariam Shakhshir yang hanya berusia 19 tahun ketika ditangkap dalam cubaan meletupkan bom di Universiti Hebrew, Israel. Wanita-wanita ini adalah antara ramai wanita Palestin yang terkorban dalam perjuangan nasionalisme mereka menentang imperialisme Israel termasuklah lebih 65 wanita yang dibunuh oleh Israel di Gaza antara tahun 1967 hingga 1970 (Palestine National Assembly 1975, 11). Pejuang wanita Palestin juga ramai yang telah dipenjarakan oleh regin Zionis kerana terlibat dalam aktiviti politik. Antara tahun 1967 hingga 1979 misalnya, dianggarkan seramai 1,229 wanita Palestin yang berjuang menentang kezaliman regim Zionis telah ditahan di penjara-penjara Israel (Antonius 1980, 29).

Pada peringkat awal, gerakan nasionalisme wanita radikal ini didominasi oleh pejuang-pejuang wanita dari gerakan al-Fatah seperti ahli Majlis Revolusi Fatah yang juga merupakan Setiausaha Agung GUPW, Salwa Abu Khadra dan May Sayigh yang juga merupakan Setiausaha Agung GUPW dari tahun 1974 hingga 1985. Walau bagaimanapun selepas berlakunya konflik antara pejuang PLO dan regim monarki Jordan pada tahun 1970 sehingga membawa kepada pengusiran PLO dari Jordan ke Lubnan, gerakan wanita Palestin diambil alih oleh wanita berhaluan kiri seperti Nihaya Muhammad dari PDFLP dan Leila Khaled dari PFLP. Penglibatan generasi baharu dalam GUPW ini sekali gus menjadikan pertubuhan tersebut kian radikal dan mula terlibat dengan perjuangan bersenjata (Habāshna 2015, 159-67). Dalam konteks perbincangan makalah ini, salah seorang pejuang wanita Palestin hebat yang akan ditelusuri perjuangannya, dan diteliti pemikiran politiknya ialah tokoh wanita PFLP yang kontroversi iaitu Leila Khaled.

Leila Khaled: Jejak Awal Seorang Pejuang

Leila Khaled dilahirkan di bandar Haifa, Palestin (kini merupakan sebuah bandar di Israel) pada 9 April 1944. Bapanya Ali Khaled merupakan pemilik sebuah kafe dan ibunya seorang surirumah, serta Leila mempunyai enam adik beradik (Irving 2012, 10). Sebelum tercetusnya Perang Dunia Pertama, bandar Haifa ialah sebuah kota Arab dengan populasi Yahudi pada tahun 1854 hanyalah 32 orang daripada 2,012 penduduknya (Rogers 1989, 85). Mulai tahun 1911, populasi Haifa masih didominasi oleh penduduk Arab tetapi jumlah imigran Yahudi mula bertambah hingga mencetuskan ketegangan dengan penduduk Arab pada era 1920-an. Ketegangan ini membawa kepada konflik berdarah bermula pada Julai 1938 apabila dua pengganas Yahudi melancarkan serangan bom yang membunuh 60 orang penduduk Arab Palestin (Gilbert 1998, 94). Sehingga tahun 1946 pula, bandar Haifa begitu pesat membangun sehingga menarik kedatangan lebih ramai imigran Yahudi Eropah. Ketegangan antara penduduk peribumi Arab yang merupakan penduduk majoriti dan imigran Yahudi kembali tercetus apabila gelombang banjir pendatang Yahudi meningkat di bandar tersebut sejak era tahun 1930-an tadi. Pada era tersebut juga, pasukan militia bawah tanah Zionis, *Palmach* mula melakukan kegiatan keganasan di bandar Haifa diikuti pula dengan keganasan sebuah lagi organisasi pengganas Zionis iaitu kumpulan *Irgun* mulai tahun 1947 (Gilbert 1998, 132, 324, 384). Khawatir dengan peningkatan mendadak imigran haram Yahudi dan keganasan militia Zionis terutama pembunuhan lebih 750 penduduk Palestin di Deir Yassin, Baitul Maqdis oleh pengganas Zionis dari gerakan *Irgun* dan *Stern Gang* pada 9 April 1948, Leila yang hanya berusia empat tahun ketika itu bersama keluarganya mengambil keputusan melarikan diri ke rumah bapa saudaranya di Tyre, Lubnan (juga dikenali sebagai Sour dalam kalangan orang Arab). Leila, ibu dan adik beradiknya adalah kumpulan terawal penduduk Haifa yang melarikan diri ke Lubnan iaitu pada 13 April 1948. Ketika itu, bapanya masih bertahan di Haifa bagi menyelamatkan kafe dan rumah mereka. Namun, pada 22 April 1948, Leila mendapat perkhabaran kediaman dan kafe bapanya di Stanton Street, Haifa telah dirampas oleh regim Zionis (Irving 2012, 13). Bapanya kemudian telah melarikan diri ke Gaza, dan seterusnya ke Mesir, sebelum menurut Leila dan keluarga di Lubnan. Mengingati peristiwa melarikan diri tersebut, Leila menceritakan.

“The spread of death and terror, and fear for our future impelled my family and most other Arabs to leave. The eight of us and my mother left for Sour on April 13, 1948. My instinctive reaction was that I must remain at home. Nobody explained to me why we were leaving, and I didn't understand.” (Khaled 1973, 11).

Leila kemudiannya berpeluang kembali ke kampung halamannya di Haifa untuk tempoh sebentar hanya 21 tahun kemudiannya iaitu pada 29 Ogos 1969. Menceritakan kesedihan setelah menjadi pelarian di Lubnan tentang bandar Haifa, Leila meluahkan,

“Haifa is caressed by the sea, hugged by the mountain, inspired by the open plain. Haifa is a safe anchor for the wayfarer, a beach in the sun. Yet, I, as a citizen of Haifa, am not allowed to bask in its sun, breathe its clear air, live there with my people. European Zionists and their followers are living in Palestine by right of arms and they have expelled us from our homeland. They live where we should be living while we float about, exiled.” (Khaled 1973, 9).

Sewaktu di Sour, Leila telah memulakan persekolahan awal di *Evangelical Union School* dan diikuti pula persekolahan menengah di Sekolah Perempuan al-Saida, Sour. Leila kemudiannya

melanjutkan pengajian di *American University of Beirut* (AUB) antara tahun 1962-1963. Pada tahun pertama pengajian liberal di AUB, Leila telah mengambil mata pelajaran kimia, kesusasteraan Arab, bahasa Inggeris dan matematik (Khaled 1973, 25).

Ketika menjadi mahasiswa di AUB, Leila aktif terlibat dengan persatuan pelajar Palestin hingga dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Tertinggi *General Union of Palestinian Students* (GUPS). Sewaktu menuntut di AUB, Leila telah terlibat dalam latihan paramiliter yang dikendalikan untuk pelajar oleh gerakan ANM. Leila bagaimanapun hanya sempat menghabiskan tahun pertama pengajian di AUB sebelum memutuskan untuk berhenti dari pengajian pada musim bunga tahun 1963. Leila kemudiannya telah berkelana ke Kuwait pada September tahun tersebut dan bekerja sebagai guru di Sekolah al-Jahra, kira-kira 50 kilometer dari pusat bandar Kuwait. Ketika berada dalam pelarian di Kuwait, semangat nasionalisme dan revolusi tidak pernah padam dalam diri Leila. Peristiwa pertempuran askar Israel dengan pejuang Palestin di Karamah, Jordan pada 21 Mac 1968 kemudiannya telah membakar semangat perjuangan Leila yang menurutnya *“the incident was an eye-opener for me. It was the beginning of the end of my exile. I was about to be liberated; I found an alternative to Fateh, and I sought to make contacts with the PFLP”* (Khaled 1973, 47).

Tatkala dalam perlawanan di Kuwait ini, Leila kemudiannya telah bertemu dengan seorang pejuang gerila dan ahli politik radikal Palestin, Abu Nidal atau nama sebenarnya Sabri Khalil al-Banna (1937-2002) di sebuah kedai buku iaitu di *South Arabian Bookstore*. Pertemuan tersebut berlanjutan hingga akhirnya Abu Nidal bersetuju untuk membantu Leila menjadi anggota gerila PFLP. Melalui Abu Nidal, Leila kemudiannya telah diperkenalkan dengan beberapa mantan komrad ANM yang ketika itu telah menganggotai PFLP. Melalui hubungan tersebut Leila mula diberikan pendedahan yang lebih mendalam tentang falsafah perjuangan, organisasi dan operasi gerakan PFLP (Khaled 1973, 48- 49). Leila kemudiannya diterima sebagai anggota Skwad Operasi Khas PFLP serta mulai mengikuti latihan ketenteraan dan perang gerila di kem yang bertempat di utara Amman, Jordan bersama beberapa orang lagi wanita seperti Rashida Obeida dan Feiha Abdul el-Hadi (Khaled 1973, 51). Setelah menjalani latihan ketenteraan intensif, akhirnya pada suatu pagi sekitar awal Jun 1969 Leila didatangi oleh pemimpin kanan PFLP, Dr. Wadie Haddad untuk melancarkan misi merampas kapal terbang penumpang yang dikaitkan dengan regim Israel (Mondoweiss 2024). Nama Leila Khaled kemudiannya menjadi terkenal apabila terlibat dengan peristiwa rampasan kapal terbang pada tahun 1969 dan 1970.

Ideologi Politik, Nasionalisme dan Radikalisme

Kehidupan sebagai pelarian di Tyre (Sour), Lubnan sejak berusia empat tahun telah membentuk jati diri dan menumbuhkan semangat nasionalisme yang mendalam dalam diri Leila Khaled. Mengimbas kehidupan awalnya sebagai pelarian di Tyre, Leila menceritakan bahawa sejak kecil seringkali permintaan kepada ibu bapanya ditolak dengan alasan bahawa mereka bukan berada di Palestin. Justeru menurut Leila, apabila meningkat dewasa idea dan alasan ibu bapanya telah membentuk idealisme perjuangan politik Leila bahawa ‘kami tidak memiliki apa-apa kecuali kami kembali ke tanah Palestin’ (Irving 2012, 15). Kesengsaraan pelarian Palestin dan kekejaman regim Zionis juga telah membentuk personaliti dan pemikiran Leila yang mendukung ideologi politik radikal dengan menganjurkan pendekatan revolusi bersenjata menentang penjajahan Israel. Bagi Leila, revolusi bersenjata ialah kaedah yang paling berkesan untuk membebaskan bumi Palestin daripada cengkaman imperialisme Zionis. Leila menegaskan, *“I had to believe in the gun as an embodiment of my humanity and my determination to liberate myself and my fellow men”*.

Selanjutnya Leila menyatakan bahwa *“every self-respecting Palestinian had to become a revolutionary”* (Khaled 1973, 37).

Ideologi politik Leila yang radikal sejak awal turut dipengaruhi oleh peristiwa kebangkitan rakyat Palestin pada era 1930-an. Antara tokoh pejuang yang memberikan inspirasi dalam kesadaran politik awal Leila ialah gerakan bawah tanah Palestin yang diketuai oleh Izz Deen al-Qassam tadi. Menurut Leila, kebangkitan rakyat Palestin ketika itu bertitik tolak daripada kemunculan gerakan penjajahan oleh pihak Zionis antara tempoh tahun 1936 hingga 1939. Ketika itu konspirasi British, Zionis dan kepimpinan Arab khususnya Raja Abdullah I dari Jordan telah membawa kepada peristiwa pembahagian Palestin kepada gerombolan Zionis pada tahun 1947. Kepimpinan Arab seperti Raja Abdullah I dianggap sebagai pengkhianat kepada rakyat Palestin sehingga membawa kepada pembunuhan para pejuang Palestin seperti Izz Deen al-Qassam. Menurut Leila,

“I was greatly inspired by a Palestinian revolutionary of the 1930s: Izz Deen al-Qassam, a man who embodied the spirit of resistance and who organized the first working class and peasant revolution in the Arab homeland. He has been organizing his Underground for several years. In 1935, seeing the continuing betrayal of his people, he launched an arm struggle which he intended to be the beginning of a people’s war of liberation against the enemies: British imperialism, Zionism and Arab backwardness... The PFLP begins where al-Qassam left off: his generation started the revolution; my generation intend to finish it.” (Khaled 1973, 9)

Seperti yang diakui oleh Leila, keadaan politik yang vakum berikutan dengan pembunuhan Izz Deen al-Qassam kemudiannya telah membawa kepada penubuhan PFLP yang meneruskan aspirasi perjuangan revolusi untuk menubuhkan sebuah negara Palestin yang merdeka. Justeru, aspirasi perjuangan inilah yang telah mendorong Leila untuk menyertai perjuangan radikal PFLP khususnya selepas Palestin dibahagikan melalui Pelan Pembahagian Palestin (*Partition Plan*) oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 29 November 1947 dengan 56 peratus wilayah Palestin diserahkan kepada gerombolan Zionis (Khaled 1973, 10). Sementelah itu, berhubung objektif perjuangan pembebasan rakyat Palestin, Leila menegaskan,

“The supreme objective of the Palestine liberation movement is the total liberation of Palestine, the dismantlement of the Zionist state apparatus, and the construction of a socialist society in which both Arabs and Jews can live in peace and harmony.” (Khaled 1973, 91).

Ideologi politik revolusioner Leila juga banyak dipengaruhi oleh pemikiran politik pemimpin revolusi Mesir, Kolonel Gemal Abdel Nasser. Malahan ketika presiden Mesir itu meninggal dunia pada 28 September 1971, Leila mencatatkan dengan penuh emosi tentang Nasser,

“I was, as every Arab was at one time or other, an admirer of Nasser. He was one of the greatest Arab leaders of the modern era. As a giant among dwarfs, he symbolised everything noble, great and weak among the Arabs. He was from us and one of us; he was a leader of men. I felt a part of me died with him. I was happy

I had lived in the age of Nasser. I will only be happier to live in a liberated Palestine.” (Khaled 1973, 89).

Kekaguman Leila terhadap Nasser boleh difahami apabila ditelusuri kembali permulaan penglibatan Leila dengan gerakan nasionalisme Arab, Leila merupakan ahli kepada gerakan ANM yang disokong oleh Presiden Gamal Abdel Nasser. Hubungan rapat antara Nasser dan ANM dilakukan melalui perantara Syria dan Mesir seperti Saraj dan Abu-Alnour dari Mesir. Hubungan langsung secara rasmi bermula pada 21 November 1961 apabila Hani al-Hindi, seorang ahli ANM yang radikal menghubungi Presiden Nasser diikuti dengan pertemuan presiden Mesir tersebut dengan Setiausaha Agung ANM, Dr. George Habbash pada 11 April 1964. Menurut Leila pula, kesedaran politik dan penglibatan dalam ANM berputik dari *‘anxiously absorbed details and mastered most the anti-Western arguments’*. Leila mengakui bahawa tempoh antara tahun 1956 hingga 1959 merupakan *“my period of apprenticeship as an activist”*. Malahan kesemua enam adik beradik seperti abangnya Mohammad merupakan anggota kepada ANM manakala kakak Leila, Zakiah dan Rahaab menyertai ANM pada tahun 1956. Penglibatan anggota keluarganya mendorong Leila untuk turut menyertai aktiviti ANM mulai tahun 1957 sebelum menjadi ahli penuh mulai tahun 1959. Antara kegiatan awal Leila ialah mengedarkan risalah berkaitan aspirasi dan perjuangan ANM. Malahan Leila juga terlibat dengan ceramah-ceramah massa dan demonstrasi yang dilancarkan oleh ANM (Khaled 1973, 19). Dalam konteks penglibatan bersama ANM, Leila melihat bahawa penjajahan Palestin hanya boleh dihentikan melalui perpaduan Arab khususnya melalui pengukuhan kesatuan UAR yang dipimpin oleh Presiden Gamal Abdel Nasser. Menurut Leila,

“We can end it through Arab unity and the liberation of Palestine. Our goal can be reached if the UAR was expanded and all the Arab states become one nation-state. We must fight for one Arab nation, for unity, for freedom, for socialism. We must defeat enemy number one, America, the supplier of Hawk missiles to Israel, and we must seize our own oil resources.” (Khaled 1973, 25)

Ideologi politik Leila yang radikal dan revolusioner turut dipengaruhi oleh pelbagai peristiwa revolusi dan gerakan radikal di seluruh dunia pada ketika itu. Antaranya ialah perjuangan nasionalisme rakyat Vietnam dan Amerika Latin menentang pencerobohan Amerika Syarikat. Dalam konteks perjuangan revolusi rakyat Vietnam, Leila mengakui bahawa perjuangan mereka menentang imperialisme Amerika Syarikat yang pada tahun 1965 yang ketika tersebut dipimpin oleh Presiden Lyndon Johnson memberikan inspirasi kepada perjuangan radikalnya untuk Palestin. Rakyat Vietnam yang gigih menentang keganasan Amerika Syarikat disifatkan oleh Leila sebagai *“a people with an indomitable spirit, a people whose heroic deeds placed them among the gods; here was a people whose unbound humanity was a blessing to mankind”*. Justeru Leila menyeru rakyat Palestin supaya,

“The Palestinians must learn the secrets of the Vietnamese: devotion to the cause, sacrifice to the fatherland, absolute commitment to the community; a revolutionary party with a clear conception of ideology, strategy, organisation. We could do it. We had to do it, unless we wished to remain contemptible ‘refugees’.” (Khaled 1973, 38).

Dalam konteks perjuangan nasionalisme bersenjata, Leila tekal berpegang kepada prinsip bahawa ‘mereka yang dijajah mempunyai hak untuk mempertahankan diri hatta dengan mengangkat senjata’. Malahan menurut Leila, rakyat Palestin tidak mempunyai banyak pilihan dalam menentang penjajahan Israel manakala perjuangan menentang ketidakadilan dengan hanya berdemonstrasi atau berunding secara aman tidak memadai. Menurut Leila, ‘kebebasan itu menuntut pengorbanan’ dan bagi rakyat Palestin “*the line between life and death is very narrow*” (New Internationalist 2023). Sementelah itu, penglibatan dalam penentangan bersenjata tercetus setelah melihat dasar imperialisme ganas Amerika Syarikat di Vietnam dan di Amerika Latin seperti campur tangan Washington di Republik Dominica yang dilihat sebagai “*a prelude of the age of gunboat diplomacy, which would soon stretch to the Middle East*” (Khaled 1973, 39). Malahan peristiwa pembunuhan figura revolusioner tersohor dunia, Che Guevera oleh askar Bolivia yang dilatih oleh agensi perisikan Amerika Syarikat atau *Central Intelligence Agency* (CIA) pada 9 Oktober 1967 menyemarakkan lagi bara revolusi di jiwa Leila. Mengenang kematian Che Guevera yang menginspirasi perjuangan Leila ketika berkelana di Kuwait, tokoh wanita hebat Palestin ini meluahkan,

“To me, Che (Guevera)'s martyrdom can be justified because of its value to world revolution: his life was a form of perpetual renewal; his behaviour was exemplary; his commitment was total qualities the revolutionary movement needed to absorb...Yet I, a "revolutionary" woman, was living in tranquillity in far away. Kuwait when my people needed revolutionaries and heroes of Che's calibre. I decided I must join the revolution.” (Khaled 1973, 41)

Diimbias kembali, ketika menyambung pengajian di AUB pada tahun 1962 tadi, Leila sebenarnya lebih banyak terlibat sebagai aktivis politik ANM di *Arab Cultural Club* (ACC) berbanding menumpukan fokus kepada pembelajaran. Di ACC kemudiannya Leila telah berkenalan dengan beberapa orang intelektual Arab terkenal seperti Joseph Mogheizel (presiden kelab ACC) dan Mohsen Ibrahim, editor kepada akhbar *Al-Huriyyah* yang merupakan media rasmi kepada ANM. Tidak terkecuali ialah Teysier Koubaa yang merupakan presiden kepada GUPS. Menurut Leila, kehidupan di AUB sebagai ‘tanah kubur’ bagi intelektualisme kerana sekatan terhadap aktiviti politik dan nasionalisme. Walau bagaimanapun, Leila bersama-sama GUPS setelah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif gerakan pelajar tersebut telah mengadakan beberapa siri demonstrasi anti kolonialisme dan anti monarki Jordan termasuk demonstrasi di Kedutaan Jordan pada tahun 1963 (Khaled 1973, 27). Setelah menamatkan pengajian tahun pertama pada tahun 1963, Leila yang berusia 19 tahun ketika itu telah berhenti dari AUB disebabkan abangnya yang bekerja di Kuwait dan selama ini menanggung pengajian Leila tidak mampu lagi untuk menampung kos pengajiannya di AUB. Leila kemudiannya mengambil keputusan untuk berhijrah ke Kuwait pada September tahun tersebut sebelum diterima bekerja dengan Kementerian Pendidikan Kuwait sebagai guru di sekolah Shaab di Al-Jahrah pada Disember 1963. Leila kemudiannya berada di Kuwait selama enam tahun dengan sekali sekala pulang ke Lubnan. Ketika berada di Kuwait, Leila mula terlibat dengan aktiviti politik bawah tanah memandangkan kegiatan politik secara terbuka adalah dilarang di negara tersebut. Sementara itu, menyentuh tentang pemikiran Leila berhubung gerakan politik bercorak revolusi dalam kempen pembebasan Palestin dari penjajahan Israel, Leila ketika di Kuwait menegaskan bahawa matlamat utama revolusi Palestin ialah, “*is to break the Israeli military, political and economic entity which is based on aggression, expansion and organic unity with the interests of imperialism in our*

homeland. It is against Zionism as a racist aggressive movement in alliance with imperialism” (Khaled 1973, 49).

Pada era 1950-an dan 1960-an, ANM yang disokong oleh UAR tadi mempunyai rangkaian meluas dikebanyakan negara-negara Arab termasuk di Kuwait, Lubnan dan Jordan. Gerakan ini bertujuan melumpuhkan kepentingan besar negara-negara Barat seperti Britain di wilayah Arab khususnya kepentingan ekonomi seperti minyak. Laporan *Joint Intelligence Committee* (JIC) kepada kabinet British pada Mac 1968 mendedahkan gerakan subversif ANM ini di rantau Asia Barat melalui cawangannya serta beberapa gerakan proksi misalnya *Kuwait Arab Nationalist Movement* (KASU) di Kuwait, *Bahrain Arab Nationalist Movement* (BANM), *The Nationalist Organization of the Trucial States* (NOTS) dan ANM cawangan Qatar (*Joint Intelligence Committee*, JIC 1968). Gerakan PFLP yang disertai oleh Leila pula sememangnya mempunyai hubungan rapat dengan gerakan ANM dan Nasser (Adam 1968b). Antara kegiatan yang dijalankan oleh gerakan nasionalis Arab ini termasuk gerila *fedayeen* (pejuang Palestin) dan anggota PFLP yang disertai oleh Leila ialah tindakan mensabotaj kepentingan ekonomi British di negara-negara Arab ketika itu. Contohnya pada Januari 1970, kumpulan ini disyaki menjadi dalang dibalik demonstrasi besar-besaran pekerja simen dan pekerja loji penapis minyak Jordan milik British. Laporan penyiasatan oleh pihak British mendedahkan.

“The fedayeen group operating under the carte blanche have understandably sought to influence the industrial labour force. Fatah claim to have organized the workers in Jordan. The PFLP, al-Sai’qa, the Arab Liberation Front, the Popular Struggle Front and the Communist Party of Jordan supported the demands of the cement workers. ...On the 4 of January, they were led by armed fedayeen from the PFLP and others to strike and demonstration against the oil refinery.” (Shepherd, 1970)

Dalam konteks organisasi dan aktiviti politik, sejak awal lagi selain daripada ANM, Leila lebih tertarik dengan idea revolusi dan radikal yang dicanangkan oleh PFLP. Mengingati perjuangan bersenjatanya, Leila mengakui, *“I chose arms, and I believe that taking up arms is one of the main tools to solve this (Palestinian Israeli) conflict in the interest of the oppressed and not the oppressors”* (Euronews 2016). Justeru apabila *Palestine Liberation Organization* (PLO) ditubuhkan pada tahun 1964 oleh Liga Arab, Leila tidak tertarik menyertai pertubuhan tersebut. Selain orientasi politik PLO yang tidak mendukung perjuangan revolusi, Leila merasa kecewa kerana negara-negara Arab yang menyokong penubuhan PLO tadi tidak membenarkan rakyat Palestin untuk berjuang secara bebas dan regim Arab juga tidak berjuang sepenuhnya untuk menyelamatkan nasib rakyat Palestin. Apatah lagi perlantikan pengerusi pertama PLO, Ahmed Shukairy dilakukan tanpa perbincangan dengan warga Palestin. Malahan apabila Kongres Kebangsaan Palestin yang pertama diadakan di Amman pada 28 Mei 1964, golongan radikal Palestin telah dilarang daripada turut serta. Kongres yang mengesahkan perlantikan Ahmed Shukairy dan jawatankuasa eksekutif serta manifesto PLO disifatkan oleh Leila sebagai perlantikan *“embodied the ideology of our bankrupt ruling class”* (Khaled 1973, 34-35). Selain itu Leila tidak tertarik dengan organisasi al-Fatah dan PLO kerana organisasi tersebut menerima sumbangan kewangan daripada Arab Saudi yang disifatkan sebagai regim boneka Barat (Khaled 1973, 104-6). Tuntasnya, berkaitan dengan organisasi dan perjuangan PLO ini, Leila berpendapat,

“The PLO was born crippled, if not dead, and the Arab states neither allowed the Palestinians to act independently nor did they themselves act with sufficient vigour to safeguard Palestinian interests. The PLO consisted of the remnants of a dead social class” (Khaled 1973, 34).

Berhubung dengan kebangkitan nasionalis radikal wanita Palestin, selepas Perang Arab-Israel 1967, PFLP giat merekrut golongan wanita seperti Leila sebagai pejuang gerila pertubuhan tersebut atau dikenali juga sebagai pasukan *al-‘amaliyyat*. Justeru pelbagai kempen untuk menarik penglibatan wanita dalam perang gerila telah dilancarkan pada era tahun 1970. Antaranya termasuklah menyebarkan risalah-risalah yang berjudul ‘*The Revolution and the Issue of Women’s Liberation*’ (*Al-Thawra Wa Qadiyyat Taharrur al-Mar’a*, 1970). Risalah-risalah seperti ini menekankan tentang keadilan gender dan kesaksamaan tanggungjawab nasionalisme antara wanita dan lelaki dalam perjuangan revolusi. Pejuang wanita yang terpilih akan dilatih dalam bidang ketukangan selain latihan ketenteraan, falsafah *Marxisme-Lenin* dan taktik gerila di beberapa kem di Jordan seperti di kem Wahdat, Husein, Baqaa, Madaba dan Zarqa. Manakala di Lubnan, kem-kem latihan turut ditubuhkan di daerah Burj al-Barajneh, Sidon, Tyre dan Baalbek (Ghāzī 1972, 119). Leila sendiri kemudiannya terpilih untuk menjalani latihan ketenteraan dan perang gerila di sebuah kem pelarian di utara, Amman, Jordan.

Perang Saudara Palestin-Jordan, 1970-1971

Pada era 1960-an dan 1970-an, lebih dua pertiga penduduk Jordan terdiri daripada rakyat Palestin. Selepas kekalahan Jordan kepada Israel dalam perang Arab-Israel 1967, majoriti penduduk Palestin yang menjadi pelarian di Jordan telah bangkit menentang regim Raja Hussein yang disifatkan sebagai pemimpin Arab yang lemah kerana gagal mempertahankan wilayah Palestin khususnya Baitul Maqdis Timur daripada jatuh ketangan Zionis. Tidak terkecuali ialah penentangan Leila dan organisasinya iaitu PFLP terhadap regim Raja Hussein yang disifatkan sebagai pengkhianat kepada perjuangan kemerdekaan Palestin dan bangsa Arab menentang penjajahan Israel. Raja Hussein disifatkan oleh Leila sebagai “*the good little British-manufactured King of Jordan was part of the enemy camp*” (Khaled 1973, 88). Kekejaman regim Hussein dengan peristiwa pembunuhan ramai pejuang Palestin termasuklah komrad PFLP dalam kempen kententeraan Raja Hussein antara September 1970 hingga Julai 1971 sukar dilupakan. Menurut Leila kekejaman Raja Hussein sebagai satu drama dan konspirasi meloyakan, apatah lagi bagi Leila “*the Arab kings and colonels regarded the Palestinian resistance as a dangerous movement that could threaten their very regimes and engulf the whole region in an international civil war of the working class versus the forces of oppression*” (Khaled 1973, 88).

Pada tahun 1970, Leila telah kembali ke kem latihan tentera di Jordan. Dalam konteks perang saudara antara pejuang Palestin dengan regim Raja Hussein di Jordan, Leila ketika itu melihat Raja Hussein dan kepimpinan Arab moderat seperti Arab Saudi sebagai tali barut Barat dan Israel serta khianat terhadap perjuangan kemerdekaan rakyat Palestin. Bagi Leila, matlamat kepimpinan Arab ini tidak lebih hanyalah sebagai satu usaha untuk mengembalikan ‘status-quo’ mereka dan bukannya untuk membebaskan bumi Palestin daripada penjajahan regim Zionis. Justeru tidaklah menghairankan matlamat kerajaan Arab seperti Jordan ketika itu hanyalah untuk memastikan Israel berundur daripada garis sempadan sebelum 4 Jun 1967 menggunakan pendekatan kombinasi diplomasi dan peperangan konvensional, dan bukannya perjuangan mengangkat senjata bertunjangan ideologi revolusi bagi pembebasan Palestin (Khaled 1973, 92). Raja Hussein dan keluarga baginda sejak tahun 1948 pula tekal menganggap wilayah Palestin seperti Tebing Barat sebagai sebahagian wilayah Jordan. Pada sekitarnya tahun 1960an, Raja

Jordan telah menutup pusat kegiatan pejuang Palestin seperti Fatah dan PLO di Amman dan Baitul Maqdis (Pryce 1974, 44). Tidak terkecuali ialah pertubuhan wanita Palestin seperti GUPW turut diharamkan di Jordan. Selanjutnya, berikutan dengan kekalahan Jordan kepada Israel pada perang 1967, regim Husein dan keturunannya turut dipersalahkan oleh pejuang Palestin setelah kota Baitul Maqdis Timur ditakluki oleh regim Israel ketika perang tersebut. Dalam satu laporan sulit oleh pejabat Konsular British di Baitul Maqdis berhubung perseteruan antara pejuang Palestin dan Raja Hussein direkodkan,

“The King Hussein’s grandfather is blamed for causing the refugees problem by calling on the Arabs of Jaffa, Haifa and elsewhere for sake their homes, and for giving up Ramallah and Lydia without a fight. King Hussein himself is blamed for having given preference to the East Bank over West Bank during the period they were united under his rule, for giving up the West Bank (Palestine) into the hands of Israel by his ill-fated attack on the later in 1967.” (Woodrow 1970)

Sementelah itu pemimpin PFLP, Dr. George Habbash pula dalam satu temubual eksklusif dengan Mahmoud Soueid, pengarah *Institute for Palestine Studies* (IPS), Beirut pada 23, 24 dan 25 Oktober 1997 di Damsyik menyatakan *“The Jordanian army could not be said to be an enemy like Israel, but still, it was a regular army caught in a confrontation with revolutionary forces”* (Soueid 1998, 94).

Mulai September 1970 hingga pertengahan tahun 1971, regim Raja Hussein kemudiannya telah melancarkan serangan ketenteraan besar-besaran untuk menghapuskan para pejuang Palestin di wilayah Jordan termasuklah terhadap pertubuhan PFLP. Menurut Boyle (1971) bandar-bandar utama Jordan seperti Amman, Irbid dan Zerqa yang mempunyai populasi pelarian Palestin yang tinggi menjadi sasaran utama tentera Jordan. Dalam kempen ketenteraan di bandar Jerash/Ajlun pada 16 September 1971 misalnya, tentera Jordan berjaya membunuh lebih 400 pejuang Palestin, 2000 orang tercedera dan 600 orang pejuang lagi ditangkap. (Foreign and Commonwealth Office 1971). Menurut Wasfi Tal, Perdana Menteri Jordan ketika itu, kempen ketenteraan tersebut bertujuan menghapuskan pejuang Palestin yang disifatkan sebagai *‘professional conspirators and criminal’* (Carter 1971). Justeru, selaras dengan penentangan PFLP terhadap Raja Hussein, Leila dan lain-lain komrad wanita PLFP turut terlibat dalam kempen gerila ketika itu (Irving 2012,44). Kisah perjuangan bersenjata mereka menentang regim Raja Hussein turut diceritakan rakan komrad Leila, Um Nasser,

“There were clashes [with the Jordanian forces] near Salt in Jordan and we used to fight. I used to stand guard till morning. There were very difficult times. Sometimes, when I would go to one of our brother fighters and tell him “Give me the gun because it is time for my guard duty,” he would find it very hard to give it to a sister. Afterwards, they passed beyond that complex, and we became part of them.” (Pryce-Jones 1974, 44)

Pada masa yang sama, bertempat di kem-kem pelarian Palestin di Jordan seperti di kem pelarian Zarqa, Leila berterusan memberikan syarahan-syarahan umum dalam kalangan pelarian Palestin tentang kebobrokan monarki Jordan. Malahan Leila turut terlibat dalam menganjurkan demonstrasi-demonstrasi di seluruh Jordan selain menyediakan senjata kepada gerila Palestin seperti membuat bom-bom petrol di Kem Wahdat untuk digunakan bagi menyerang tentera Jordan

(Khaled 1973, 74). Mengulas penglibatannya menentang monarki Jordan, Leila menegaskan bahawa kerajaan Raja Hussein yang kejam disifatkan sebagai regim fasis dan pengkhianat Arab sebenar yang ingin menghapuskan revolusi Palestin melalui bantuan British, Amerika Syarikat dan Israel. Regim Hussein kemudiannya telah melancarkan serangan besar-besaran untuk menghapuskan pejuang Palestin di seluruh Jordan seperti di Amman, Jerash, Zarqa dan Irbid. Malahan Raja Hussein senada dengan kepimpinan Zionis seperti Timbalan Perdana Menteri Israel, Yigal Allon yang bersetuju ketika itu bahawa Israel akan membantu Hussein menghapuskan pejuang-pejuang Palestin. Dalam konteks penglibatan Amerika Syarikat yang membantu Raja Hussein pula, Leila menjelaskan,

“The civil war in Jordan was not an incidental phenomenon. It was part of America’s global strategy to reverse the tide of history and to eliminate liberation movement everywhere. It was part of a war of reaction and suppression whose victims have been, in the main, the leaders and movements of the Third World since The Second World War.” (Khaled 1973, 96)

Mulai akhir tahun 1971, regim Raja Hussein akhirnya berjaya menumpaskan hampir semua penentangan oleh gerila Palestin di negara tersebut khususnya di kubu kuat mereka di Jerash dan Ajloun, utara Jordan (El- Rayyes and Nahas 1976, 22).

Peristiwa Rampasan Kapal Terbang

Dalam sejarah moden kebangkitan rakyat Palestin menentang penjajahan Israel, salah satu daripada peristiwa yang akan diingati ialah penglibatan Leila Khaled dalam peristiwa rampasan kapal terbang awam pada era tahun 1960-an dan 1970-an. Matlamat utama Leila dan rakan-rakannya dalam gerakan PFLP ialah untuk menarik perhatian dunia tentang penderitaan rakyat Palestin akibat penjajahan dan kekejaman regim Zionis. Pengasas PFLP, Dr. George Habbash sendiri mengakui bahawa tindakan mereka melancarkan gerakan rampasan kapal terbang adalah disebabkan *“I was trying to determine how world opinion could be awakened to the injustice that has been done to the Palestinian people... We wanted to attract world attention through some action, and that was it”* (Soueid 1998, 93). Kenyataan Dr. Habbash ini ternyata berasas misalnya dalam peristiwa rampasan kapal terbang TWA Flight 840 oleh gerila PFLP pada tahun 1969. Rampasan kapal terbang yang dalam penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Fiumicino, Rome, Itali ke Tel Aviv, Israel (kemudiannya pesawat telah mendarat di Lapangan Terbang Algiers) menyebabkan isu Palestin mendapat perhatian dunia. Laporan Kementerian Luar Israel misalnya mendedahkan bahawa peristiwa tersebut telah mendapat liputan meluas media di Argentina, Austria, Brazil, Britain, Canada, Ghana, Itali, Norway, Sweden, Switzerland dan Amerika Syarikat (Israel Ministry of Foreign Affairs, 1968). Dr. Habbash pula dalam mengulas peristiwa ini menyatakan, *“For decades, world opinion has been neither for nor against the Palestinians. It simply ignored us”*. Justeru, selepas peristiwa tersebut Habbash menegaskan *“The world is talking about us”* (Hist 1978, 304).

Peristiwa rampasan kapal terbang TWA 840 bukan sahaja menarik perhatian dunia tentang penderitaan rakyat Palestin malahan menjadikan nama Leila Khaled sekelip mata menjadi terkenal seantero dunia. Pada 29 Ogos 1969, Leila yang ketika itu berusia 24 tahun bersama seorang lagi komrad PFLP kelahiran Haifa iaitu Salim Issawi telah merampas pesawat tersebut yang dalam penerbangan dari Rome menuju Tel Aviv (Khaled 1973, 54). Dengan menggunakan nama samaran sempena nama pejuang wanita PFLP yang terkorban ketika melancarkan serangan bom PFLP pada

21 November 1968, Shadiyya Abu Ghazalla, Leila dan rakannya yang mendakwa dari Che Guevara Comando Unit, PFLP telah mengarahkan pesawat tersebut menuju lapangan terbang Lydda, Israel sebelum dipesongkan untuk mendarat di Syria, dan kemudiannya diletupkan di lapangan terbang Damasyik. Menurut Leila (1973) penggunaan nama ‘Kapten Shadiyya’ bertujuan untuk ‘memberitahu dunia tentang jenayah yang dilakukan oleh regim Israel’. Selepas pesawat tersebut diletupkan, Leila telah mengadakan sidang akhbar yang disertai oleh pelbagai agensi media antarabangsa termasuklah dari akhbar al-Hadaf yang berjaya merakamkan peristiwa letupan tersebut. Bagi menarik perhatian masyarakat antarabangsa, Leila dalam sidang media tersebut menyatakan,

“We diverted flight 840 because TWA is one of the largest American airlines that services the Israeli air routes, and more importantly, because it is an American plane. The American government is Israel’s staunchest supporter. It supplies Israel with weapons for our destruction. It gives the Zionists tax-free American dollars. Its support Israel at world Conferences. It helps them in every possible way. We are against America because she is an imperialist country.” (Khaled 1973, 62)

Peristiwa ini sememangnya telah menggemparkan dunia penerbangan sekali gus strategi PFLP melalui operasi yang dilaksanakan oleh Leila berjaya menarik perhatian masyarakat antarabangsa berhubung isu Palestin. Kisah kekejaman Israel yang disokong oleh Amerika Syarikat, untuk seketika mendapat perhatian masyarakat antarabangsa berikutan dengan peristiwa yang didalangi oleh Leila Khaled. Selepas peristiwa tersebut Leila kemudiannya dibebaskan dan meneruskan aktivitinya di kem pelarian Wahdat di Amman, Jordan.

Setahun selepas peristiwa rampasan kapal terbang TWA 840, Leila kemudiannya telah terlibat dalam perancangan seterusnya iaitu mengetuai satu lagi misi rampasan kapal terbang milik Israel, EL-AL. Operasi ini ialah sebahagian daripada operasi rampasan kapal terbang penumpang oleh PFLP dikenali sebagai Operasi Dawson’s Field. Melalui operasi ini, lima pesawat penerbangan awam disasarkan untuk dirampas dan diletupkan di bekas lapangan terbang milik tentera udara Jordan di bandar Zarqa, Jordan. Bagi tujuan tersebut Leila terlebih dahulu perlu memastikan penampilan dan wajahnya sukar dikenal pasti. Justeru pada Mac 1970 Leila telah menjalani operasi pembedahan wajah sebanyak tiga kali bermula pada 13 Mac tahun tersebut (Khaled 1973, 79; Veinner 2001). Selepas melalui pembedahan yang memeritkan itu, Leila telah terbang ke Frankfurt, seterusnya ke lapangan terbang Schiphol, Amsterdam menggunakan nama samaran Shadiyah Abu Ghazallah bersama pasport Honduras bagi meneruskan misi rampasan kapal terbang Israel, EL-AL 219 dari Amsterdam menuju New York pada 8 September 1970. Walau bagaimanapun percubaan rampasan kapal terbang tersebut berjaya dipatahkan apabila Leila dan rakannya berusia 27 tahun, warganegara Nicaragua bernama Partrick Joseph Arguello, yang merupakan ahli kepada gerakan *Sandinista National Liberation Front* (Frente Sandinista de Liberacion Nacional) telah ditangkap oleh marshal udara Israel berpakaian awam dalam penerbangan tersebut (Porat 2022, 1077). Patrick kemudiannya terbunuh setelah ditembak di atas kapal terbang ketika itu oleh marshal udara Israel manakala Leila yang cedera telah dibawa ke Hospital Hillingdon, England sebelum ditahan di balai polis West Drayton, dan kemudiannya di balai polis Ealing, barat London. (Khaled 1973, 83), Ketika disoal siasat di balai polis tersebut, Leila sempat menukikan catatan untuk mengingati dan menghargai pengorbanan rakannya Arguello. Leila meluahkan dengan penuh emosi pengorbanan Patrick Arguello,

"In dying for Palestine, you have become the symbol that lightens our oppression; you have also become the joyous burden that propels us onward to end the oppression. In joining our struggle for dignity and peoplehood, you have given us a lesson in international solidarity and brotherhood and cemented the bond of affection between the people of Latin America and the people of Palestine...Patrick Arguello, a martyr for Palestinian freedom. You are not dead. You live. You will live forever! You are the patron saint of Palestine." (Khaled 1973, 86-87)

Setelah berminggu-minggu ditahan di balai polis Ealing, Leila kemudiannya tidak didakwa di England sebaliknya Leila telah dipindahkan ke Munich, Jerman sebelum dihantar ke Kaherah, Mesir pada 1 Oktober 1970. Pada 12 Oktober Leila sekali lagi telah dipindahkan ke Damsyik sebelum kembali ke Beirut. Leila kemudiannya telah berkahwin dengan salah seorang komrad PFLP bernama Baasem yang berasal dari Iraq pada 26 November 1970. (Khaled 1973, 90). Walaupun bagaimanapun mahligai perkahwinan mereka berakhir pada tahun 1972 apabila masing-masing komited dalam perjuangan revolusi yang menyukarkan mereka membina keluarga bersama (Irving 2012, 69). Dalam Operasi Dawson's Field tadi, empat pesawat penumpang berjaya dirampas di Dawson's Field, Jordan dan satu pesawat tidak berjaya iaitu pesawat yang dirampas oleh Leila tadi.

Dalam konteks rampasan kapal terbang ini, sarjana kajian politik antarabangsa seperti Profesor Bruce Hoffman, David Rapoport dan penganalisis terrorisme penerbangan Jin-Tai Choi merumuskan bahawa peristiwa rampasan pesawat EL-AL 426 tadi menandakan *"the advent of ...international terrorism"* (Hoffman 2006, 65; Rapoport 2004, 13-14; Choi, J-T. 1994, 44-45). Walau bagaimanapun Leila berulang kali menolak keras tuduhan bahawa tindakannya dan PFLP sebagai tindakan segerombolan pengganas. Menurut Leila apabila ditanya tentang terrorisme, dengan tegas menyatakan,

"Whenever I hear this word, I ask another question. "Who planted terrorism in our area? Some came and took our land, forced us to leave, forced us to live in camps. I think this is terrorism. Using means to resist this terrorism and stop its effects - this is called struggle...We Palestinians are children too and we are a part of the human race." (Vinner, 2001)

Seterusnya dalam satu temubual bersama portal berita Euronews pada tahun 2016, Leila ketika ditanya lagi tentang label pengganas yang diberikan kepadanya berikutan dengan penglibatan dalam perang gerila khususnya tindakan merampas kapal terbang awam menegaskan,

"I am afraid I am a freedom fighter, whatever that means or whatever the media that is controlled by Zionism and the imperialists say. They can give us or label us whatever they want. I say occupation is terrorism. Zionism is terrorism. Imperialists are terrorists. They are the ones who create wars against the people of the world. I don't know what they label us, but I know myself as a part of my people's struggle as a freedom fighter." (Euronews 2016).

Leila seperti mana pemimpin utama PFLP, Dr. George Habbash mengakui bahawa tindakan merampas kapal terbang tersebut adalah untuk menarik perhatian masyarakat antarabangsa tentang

penderitaan rakyat Palestin yang ditindas oleh penjajah Israel, dan taktik tersebut ternyata berjaya. Menurut Leila lagi,

“In all my time, in all my statements, I always said we were forced to do it (hijacking). It wasn’t because we liked to do it, we knew beforehand that those people, the passengers, had nothing to do with the conflict. But before, nobody heard our screaming from the tents. Nobody wanted to hear or listen or learn about our sufferings. Nobody heard those who were tortured in jails. Or even if they knew they don’t want to do anything about it. So, we couldn’t see other ways, and we just used it for a short time, just to ring the bell in this world. We felt that there was injustice against us, and nobody wanted to hear that. In fact, no one was killed or injured in the PFLP’s hijackings except some of the militants. It was a panic for people for a short time, but we never meant to hurt anyone. For our people there had been years and years of suffering, under occupation or in the diaspora, and yet no one wanted to show this side of things.” (Irving 2012, 36).

Perspektif Leila Tentang Masa Depan Proses Damai Palestin-Israel

Salah satu aspek penting dalam sejarah konflik Palestin-Israel ialah berkaitan dengan proses damai Asia Barat. Antara tempoh tahun 1948 iaitu apabila teretusnya Perang Arab-Israel yang pertama berikutan dengan penubuhan negara Zionis di tanah Palestin, sehingga termeterainya Perjanjian Kem David pada 26 Mac 1979, proses damai dua musuh yang berseteru ini seringkali dilihat dalam konteks pelan damai antara negara Arab dan Israel (Quandt 1986, 311-313; Carter 1982a, 319-403). Contohnya dalam rundingan Kem David, isu-isu berkaitan dengan Palestin dalam perundingan tersebut seperti isu penaklukan Israel ke atas Tebing Barat telah diwakili oleh Presiden Anwar Sadat dari Mesir dan bukannya wakil Palestin. (Carter 2006, 52). Penglibatan perwakilan Palestin dalam perjanjian damai dengan Israel hanya menjadi kenyataan dalam Persidangan Madrid pada Oktober 1991 yang kemudinnnya membawa kepada Perjanjian Oslo I pada 13 September 1993 dengan PLO terlibat sebagai wakil sah kepada rakyat Palestin

Pada 28 September 1995 pula Perjanjian Oslo II dimeterai bagi memperincikan lagi isu-isu dalam perjanjian yang pertama tadi (Makovsky, D 1996; United Nations 1995; United States Institute of Peace. 1993). Ahli sejarah Asia Barat tersohor, Profesor Avi Shlaim menyifatkan Perjanjian Oslo ini sebagai *“one of the most momentous events in the twentieth century history of the Middle East”* (Shlaim 1994, 24). Selain Perjanjian Damai Kem David dan Oslo, beberapa lagi pelan damai telah diusahakan seperti Pelan Roger (1969), Persidangan Damai Madrid (1991), Pelan Taba (2001), Pelan Damai ‘the Quartet’ (2003), Persidangan Annapolis 2007 dan Proposal Clinton 2000 (Said 2004). Malangnya semua pelan damai tersebut sehingga kini gagal untuk menghasilkan perdamaian kekal dan komprehensif antara Palestin dan Israel. Menurut Alan Dershowitz, *“there seems to be more agreement among Palestinian and Israel negotiators about what a final resolution will look like than about the steps that must be taken to get the point”* (Dershowitz 2005, 12).

Ditoleh kembali, sepanjang sejarah perjuangan Leila Khaled yang panjang dan berliku, Leila memilih untuk mengangkat senjata berbanding melaksanakan kaedah rundingan dalam menamatkan penjajahan Israel, atau berjuang di luar medan perang demi Palestin. Perjuangan bersenjata adalah jiwa sebenar Leila Khaled. Mengenang kembali pada era 1970-an, setelah dilepaskan dari tahanan penjara di England, Dr. George Habbas pernah menawarkan Leila posisi

sebagai wakil PFLP dalam GUPW yang merupakan organisasi induk wanita Palestin ketika itu. Namun, Leila telah menolak keras pelawaan tersebut dan menegaskan bahawa perjuangannya bukan melalui perundingan, atau berjuang hanya untuk wanita. Leila sebaliknya menegaskan bahawa perjuangannya sama seperti para pejuang lelaki Palestin yang mengangkat senjata tanpa sebarang perbezaan gender. Mengenang peristiwa tersebut Leila menceritakan,

“I told them, “I’m a fighter, I want to hold arms”. They (PFLP) said, “you are also a woman, you have also to fight for the rights of women”. I told them, “I can’t do that, it’s a mission and it’s very difficult and I don’t like it”. With the benefit of hindsight, she says of her twenty-something self: “some of the women comrades, I maybe was one of them, thought that we wanted to prove that we could do the same things as men. So, we dressed like men, we cut our hair short like men, and we showed that we could bear arms. We didn’t think about women. We didn’t think it (women right) was our business”. (Irving 2012, 93).

Jiwa revolusioner Leila yang menolak kaedah diplomasi berbanding perjuangan bersenjata turut diterjemahkan dalam perspektifnya tentang proses damai Asia Barat yang dilihat seringkali meminggirkan penglibatan Palestin. Antaranya termasuklah rundingan damai dalam Pelan Roger pada tahun 1969 antara Israel dan Jordan (Khaled 1973, 72). Walaupun cenderung kepada perjuangan bersenjata, Leila berpendapat bahawa sekiranya proses rundingan damai diperlukan, maka perkara yang paling utama ialah rakyat Palestin mestilah menjadi sebahagian daripada anggota proses damai tersebut (Khaled 1973, 70). Selain daripada itu Leila turut berpandangan bahawa inisiatif proses damai mestilah berdasarkan kerangka resolusi PBB (Khaled 1973, 70). Walau bagaimanapun, bagi Leila pelan damai tajaan Amerika Syarikat seperti Pelan Roger sebagai sebahagian strategi regim Raja Hussein menghancurkan perjuangan rakyat Palestin. Menurut Leila lagi,

“The full significance of the accord was revealed in September of 1970 when King Hussein proceeded to eliminate the resistance in the southern Jordan as his part of the agreement in Rogers’ peace. In mid- August, Hussein’s target was Irbid, a city in the North where “refugee” and resistance camps were mercilessly attacked, people killed, and bodies mutilated.” (Khaled 1973, 92).

Leila mengakui bahawa sejak dari awal perjuangannya bersama PFLP, beliau meragui keberkesanan pelan damai anjuran Amerika Syarikat dan Barat. Menurut Leila rundingan damai seperti Perjanjian Oslo pada tahun 1993 dan 1995 yang dimeterai oleh PLO dan Israel adalah satu inisiatif yang gagal. Hujah Leila lagi,

“This is a historical conflict. It cannot be solved by negotiations, and the leadership has tried to negotiate since 1991. The leadership of the PLO went to Oslo and had an agreement which did not deal with the core issues of the Palestinians. The core issues are twofold: the land to be sovereign, and who will be sovereign in that land and the refugees to return to their homeland, according to a UN resolution. Israel has confiscated more land from the Palestinians, building a wall, having more settlers in our land, putting people in prisons and assassinating activists, deporting our people, so after Oslo accords, we have lost a lot.” (Euronews 2016)

Leila merumuskan perjanjian tersebut hanya merugikan Palestin memandangkan lebih ramai imigran haram Yahudi dibawa masuk ke Palestin pasca Oslo dan tanah-tanah milik peribumi dirampas oleh regim Zionis. Pengalaman mengajarnya bahawa Israel tidak pernah menghormati sebarang persetujuan dalam rundingan damai. Apatah lagi seringkali rundingan damai gagal memberikan jaminan untuk membebaskan rakyat Palestin yang dipenjara di Israel. Namun, pembebasan sekiranya berlaku pula hanyalah bersifat sementara apabila mereka akan ditahan dan dipenjara semula oleh regim Zionis. Bagi tokoh wanita kontroversi ini, rundingan damai yang ditaja oleh Amerika Syarikat sebagai “...are meant to help Israel and not the Palestinians”. Rundingan damai juga adalah satu inisiatif yang sia-sia kerana, “it is very clear from this that the Israelis are not ready to make peace with the Palestinians” (The Palestine Chronicle, 2014). Merujuk kepada rundingan damai seperti di Oslo dan Madrid, Leila mengulas lanjut,

“We have witnessed that after the Oslo Agreement; Israel is still practicing its policies of occupation and hostility to the Palestinians. And the Palestinians retaliated by defending themselves, by holding their guns again. We witnessed how Arafat was pushed aside, although he was the one who signed the Oslo Accords. Previous to that there was an international conference in Madrid to discuss the situation in the region. The aim behind the gathering was to foster negotiations between Arab countries and Israel. They did not invite a Palestinian delegation to attend, but there were Palestinians as part of the Jordanian delegation. Then, they accepted that a Palestinian team could attend negotiations in Washington, but those negotiations did not go anywhere. The negotiations were called the “corridor negotiations” because the Israeli and Palestinian delegations did not agree upon the agenda, so they went out and spoke in the corridors. However, at the same time there were secret channels, and in 1993 it was clear there was an agreement in Oslo between Israeli and Palestinian, and accords were signed in the US. This brought the end to the first Intifada. It meant that the US wanted to restore the face of Israel as a democracy and that Israel wanted peace. But what we have witnessed in the last ten years is how Israel has re-occupied the towns and cities and how they have pulled out of the accords.” (Anphoblatch 2005)

Sesungguhnya perspektif Leila ini selari dengan pendirian PFLP khususnya Dr. George Habbash yang menolak siri rundingan damai dengan Israel. Dalam hal rundingan damai seperti Perjanjian Oslo misalnya, PFLP melihat rundingan damai dengan Israel melalui perantara Amerika Syarikat sebagai strategi “seeks to liquidate the Palestinian cause by offering “solutions” which undermine Palestinian national rights” (Lehmann 2017). Dr. George Habbash sebaliknya menegaskan bahawa:

“Even a quick review of the results achieved shows that we lost a great deal more than we gained in Oslo. Conversely, Israel gained much more than it lost-our losses are net gains for Israel. This is a reflection of the impasse to which Oslo has led us and of the Palestinians' difficult circumstances in our occupied homeland and the diaspora.” (Soueid 1998, 97)

Kesimpulan

Pada tahun 1972, Dr. George Habbash dan PFLP mengumumkan bahawa organisasi tersebut memutuskan untuk menghentikan taktik merampas kapal terbang awam dalam gerakan mereka (Cobban 1984, 148). Namun, sosok Leila Khaled terus akan diingati atas keberaniannya yang menggemparkan masyarakat antarabangsa. Keberanian wanita ini telah didorong oleh semangat nasionalismenya yang tinggi dalam memperjuangkan pembebasan bumi Palestin daripada penjajahan regim Israel sejak tahun 1948. Dalam konteks, penglibatan wanita Palestin dalam arena politik nasional pula, Leila Khaled telah membuktikan bahawa tidak ada halangan gender yang dapat meminggirkan kaum wanita dalam menyumbang bakti kepada pertiwi, hatta ke peringkat mengangkat senjata di medan tempur. Memetik ulasan Robin Morger, seorang penulis feminin tersohor bahawa pada pandangan majoriti penganalisis Barat tentang wanita Palestin, *“there are two well-fostered stereotypes of the Palestinian woman: she is a grenade-laden Leila Khaled, or she is an illiterate refugee willingly producing sons for the revolution”* (Morgan 1989, 252).

Dari aspek sejarah penglibatan kaum wanita dalam gerakan nasionalisme sehingga era tahun 1940-an, kaum wanita dikebanyakan negara-negara Arab masih dibelenggu dengan budaya patriaki yang menebal. Kaum wanita kebanyakannya hanya terlibat dalam urusan domestik keluarga manakala hal-hal politik misalnya didominasi oleh kaum lelaki. Di Mesir sehingga awal kurun ke-20 misalnya, kaum wanita jauh ketinggalan dalam pelbagai segi berbanding golongan lelaki termasuklah dalam bidang pendidikan. Penganalisis feminisme seperti Judith Tucker (1985) merumuskan bahawa wanita-wanita Arab *“were traditionally educated at home and inculcated in domestic virtues appropriate to their separate sphere, the harem”* selain dilihat sebagai kaum yang *“passive, submissive, domestic, and self-denying”*. Contoh yang lain ialah kehidupan wanita Iran yang direkodkan sebagai *“behind the closed doors at home, prohibited from everything in life, education, training and social life, women are regarded as mindless, like infants; they are confined to the burdens of household work and childbearing and are considered the slaves and servants of their husbands”* (Afari 1999, 489-491). Di Palestin pula, di sebalik penglibatan aktif kaum wanita sejak era 1920-an dalam perjuangan pembebasan Palestin, kedudukan mereka dalam politik kebangsaan sehingga kini masih amat terhad. Dalam pilihanraya pertama Palestin pada tahun 1996 misalnya hanya lima orang wanita yang terpilih dalam pentadbiran kerajaan Palestin. Manakala sehingga tahun 1997 daripada 25 orang menteri Palestin hanya dua wanita yang dilantik iaitu Intisar al-Wazir sebagai Menteri Kebajikan dan Hanan Ashrawi sebagai Menteri Pengajian Tinggi (Jabali 2009, 31-32). Marginalisasi wanita Palestin tidak seharusnya berlaku sekiranya pengorbanan tokoh wanita seperti Leila dihargai. Perjuangan Leila Khaled dalam arena politik di Dunia Arab amnya, dan Palestin khususnya telah membuktikan tanggapan konservatif terhadap status dan sumbangan hebat wanita Palestin dalam perjuangan nasionalisme dan politik kebangsaan adalah tidak berasas.

Dari satu sudut yang lain, ideologi politik serta personaliti Leila Khaled yang radikal juga amat berbeza dengan kebanyakan wanita Arab pada era 1940-an hingga 1970-an. Analisis dalam makalah ini menunjukkan Leila mempunyai corak pemikiran politik yang revolusioner dan memperlihatkan karakter peribadi yang jauh berbeza dengan gambaran umum tentang wanita Arab tipikal pada zaman tersebut. Sejarah kehidupannya yang getir terutama setelah menjadi pelarian di Lubnan sejak kecil menumbuhkan semangat nasionalisme yang kental dijiwanya. Keberanian Leila dalam melaksanakan misi berbahaya iaitu sebagai wanita Palestin pertama yang melakukan tindakan merampas kapal terbang yang dikaitkan dengan Israel menonjolkan personaliti hebat wanita berasal dari Haifa ini. Kecintaannya terhadap tanah airnya telah menjadi dorongan terkuat bagi wanita ini dalam meneruskan perjuangan politiknya menentang imperialisme Zionis.

Antara tahun 1973 hingga 1977 kemudiannya, Leila telah terlibat secara aktif dalam gerakan penentangan terhadap Israel di Lubnan selain turut aktif sebagai wakil PFLP dalam organisasi wanita Palestin iaitu *General Union of Palestinian Women* (GUPW). Dalam tempoh tersebut, Leila juga menjadi aktivis masyarakat khususnya berkaitan dengan hak asasi manusia dan wanita. Antara tahun 1978 hingga 1980, Leila telah menyambung pengajian universiti di Rusia sebelum kembali ke Lubnan berikutan dengan serangan Israel ke atas negara tersebut pada tahun 1982. Ketika belajar di Russia, Leila telah berkenalan dengan seorang pelajar perubatan yang juga merupakan anggota PFLP, Fayez Hilal. Mereka kemudiannya telah berkahwin pada tahun 1982 sebelum dikurniakan dua cahaya mata (Irving 2012, 81,88).

Ketika berada di Lubnan, Leila kekal terlibat aktif dalam aktiviti kebajikan kepada mangsa-mangsa keganasan Israel dengan menyediakan bantuan perubatan dan perlindungan melalui pertubuhan GUPW dan PFLP sendiri. Antaranya termasuklah penubuhan *Tel al-Za'atar Camp Medical Centre* pada 5 Disember 1970 serta beberapa klinik di Kem Shatila, 'Ayn Hilweh dan Burj al-Barajneh (Khūrshīd 1972, 116–17). Mulai tahun 1979 Leila dilantik sebagai anggota *Palestine National Council* (PNC) dan turut dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat PFLP mulai tahun 1973, serta anggota Biro Politik PFLP sejak tahun 2005 (The Palestinian Pulse 2024). Bermula pada tahun 1992, Leila dan keluarganya telah berhijrah ke Amman dan tinggal menetap di Jordan sehingga kini. Dalam meniti usia senja kehidupannya kini yang menjangkau lebih 80 tahun, nama Leila Khaled akan terus kekal terpahat dalam memori dan tinta sejarah perjuangan nasionalisme Palestin, seterusnya menjadi inspirasi kepada perjuangan wanita Palestin lain dalam usaha membebaskan tanah air mereka dari kekejaman imperialisme Israel yang masih berterusan.

Penghargaan

Penulis berterima kasih kepada penilai-penilai yang dilantik oleh *MINDEN Journal of History and Archaeology* yang dirahsiakan identiti mereka untuk komen-komen yang telah membantu memperkemaskan lagi kualiti penulisan ini.

Rujukan

- Adam P. G. 1968a. Assistant Under-Secretary of FCO, A Note to Foreign Secretary, Stewart, M.S, 10 Oktober 1968. File OD34/281. London: The National Archive.
- Adam P.G. 1968b. A Memorandum 'The Philosophy and Aspiration of Fedayeen,' enclosed in a letter from Adam to Steward, file OD 34/281, 29 Oktober 1968. London: The National Archive.
- Afari J. 1999. "Feminist Movements in the Late Qajar Period." Dalam *Encyclopaedia Iranica* Disunting oleh Ehsan Yarshater. New York: Bibliotheca Press.
- Anphoblatch. 11 Ogos 2005. A Just Solution is the Way Out of Conflict- Leila Khaled. Dalam <https://www.anphoblacht.com/contents/13953>. Diakses pada 6 Ogos 2025.
- Antonious, G. 1969. *The Arab Awakening: The Story of the Arab National Movement*. Beirut: Lebanon Bookshop.
- Antonious, S. 1980. "Prisoners for Palestine: A List of Women Political Prisoners", *Journal of Palestine Studies* 9 (3): 29-80.
- al-Asad, Nasir al-Din. 1970. *Muhammad Ruhi al-Khalidi: Ra'id al-Bahth al-Tarikhi al-Hadith fi Filastin*. Cairo: Al-Matba'a al- 'Alamiyya.

- al- Awdat, Ya'kub. 1976. *Min A'lam al-Fikr wal-Adab fi Filastin*. Amman: Jam'iyyat 'Ummal al-Matabi' al-T'awuniyya.
- al-Thawra Wa Qadiyyat Taharrur al-Mar'a. 1970. Amman: al-Jabha al-Sha'biyya li-Taḥrīr Filasṭīn.
- Bassam Yousef Ibrahim Banat. 2018. "Palestinian Women and Resistance", *ANGLISTICUM: Journal of the Association-Institute for English Language and American Studies* 7 (3):44-55.
- Beller, S. 1991. *Herzl*. London: Weidenfeld & Nicholson.
- Boyle, A.D. 1971. A report by British Defence Attache, Mr. Boyle A.D, British Embassy, Amman, file FCO 17/1375, 29 July 1971. London: The National Archive.
- Camp, J.N. 1919. A Secret Report of J.N. Camp on the Arab movement and Zionism, 12 Ogos 1919, fail FO371/4182. London: The National Archive.
- Caplan, N. 2005. "The Yishuv, Sir Herbert Samuel and the Arab Question in Palestine". *Zionism and Arabism in Palestine and Israel*. Diedit oleh Elie Kedourie dan Sylvia G. Haim. London: Taylor & Francis.
- Carter, C.P. 1971. A letter from Carter, Amman to C.W. Long, Foreign and Commonwealth Office, London, file FCO 17/1410, 4 Jun 1971. London: The National Archive.
- Carter, J. 2006. *Palestine: Peace Not Apartheid*. New York: Simon & Schuster.
- Carter, J. 1982. *Keeping Faith: Memoir of a President*. New York: Bantam.
- Central Intelligence Agency-CIA. 1972. *Memorandum The Fedayeen-Politics of Spoiling*, File CIA-RDP79R00967A000500030016-0, 26 Oktober 1972. Washington: Office of National Estimates.
- Choi, Jin-Tai. 1994. *Aviation Terrorism: Historical Survey, Perspectives and Responses*. London: Palgrave Macmillan.
- Cobban, H. 1984. *The Palestinian Liberation Organisation: People, Power, and Politics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cohn-Sherbok, Dan. 2012. *Introduction to Zionism and Israel: From Ideology to History*. London: Continuum Group.
- Dershowitz, A. 2005. *The Case for Peace: How the Arab Israeli Conflict Can Be Resolved*. Hoboken, N.J: John Wiley.
- El-Rayyes, Riad dan Dunia Nahas. 1976. *Guerrillas for Palestine*. London: Portico Publications.
- Euronews. 2016. An interview "Meet Leila Khaled, the first woman to hijack a plane", Dalam <https://www.euronews.com/2016/06/30/interview-meet-the-first-woman-to-hijack-a-plane> Diakses pada 7 Jun 2025.
- Federal Federal Bureau of Investigation, FBI. 2009. *FBI Monograph: Fedayeen Impact-Middle East and United States, June 1970*. Winchester VA: FBI.
- Foreign and Commonwealth Office, FCO. 1971. A report by the Research Department of the FCO, Middle East Section, 23 February 1971, file FCO 17/1475. London: The National Archive.
- Gilbert, M. 1998. *Israel: A History*. London: Double Day.
- Great Britain Parliamentary Papers.1937. *Cmd. 5479. Report of the Palestine Royal Commission (Peel Report)*. London: HMSO.
- Ḥabāshna, Khadija. 2015. *Muqaddimat ḥawla wāqi' al-mar'a wa-tajribatihā fi al-thawra al-Filasṭīniyya: ma'a dirāsa maydāniyya li-tajribat al-kawādir wa-al-'anāṣir al-nisā'iyya, 1967-1971*. 2nd ed. Amman: Azminah,
- Hist, D. 1978. *The Gun and The Olive Branch: The Roots of Violence in the Middle East*. London: Faber & Faber.

- Hitti, P. K. 1985. *The Arabs: A Short History*. Chicago: Gateway Edition.
- Hoffman, B. 2006. *Inside Terrorism*. New York: Columbia University Press.
- Hughes, M. 2019. *Britain's Pacification of Palestine: The British Army, the Colonial State and the Arab Revolt, 1936-1939*. London: Cambridge University Press.
- Irving, S. 2012. *Leila Khaled: Icon of Palestinian Liberation*. London: Pluto Press.
- Israel Ministry of Foreign Affairs. 1968. Summary of Political and Publicity of Ministry of Foreign Affairs Acts for the Freeing of El Al, Its Crew and Passengers', no date, 5, ISA MFA/6445/1; Summary of Foreign Affairs Minister', 26 July 1968 ISA MFA/6590/12. Tel Aviv: Israel.
- Jabali, O. 2009. "Palestinian Women's Political Participation", *ACTA ASIATICA VARSOVIENSIA* (22): 29-43.
- Jad, Islah. 2018. *Palestinian Women's Activism: Nationalism, Secularism, Islamism*. New York: Syracuse University Press.
- Joint Intelligence Committee, JIC. 1968. A Report 'Subversive Activities in the Gulf', by JIC, dalam memorandum oleh D. J. Fewtrell, JIC Secretary, 28 Mac 1965, File CAB 163/73. London: The National Archive.
- Kadi, Leila S. 1969. *Basic Political Documents of the Armed Palestinian Resistance Movement*. Beirut: PLO Research Centre.
- Kedourie, E. 1956. *England and the Middle East: The Destruction of the Ottoman Empire, 1914-1921*. London: Bowes & Bowes.
- Khaled, Leila. 1973. *My People Shall Live: The Autobiography of a Revolutionary*. London: Hodder and Stoughton.
- Khūrshīd, Ghāzī. 1972. "Al-Muqāwama al-Filasṭīniyya Wa-l-'Aml al-Ijtamā'ī". *Shu'ūn Filasṭīniyya* (6): 119.
- Lachman, S. 2005. "Arab Rebellion and Terrorism in Palestine, 1929-39: The Case of Sheikh Izz al-Din al-Qasam and His Movement". Dalam *Zionism and Arabism in Palestine and Israel*. 53-100. Diedit oleh Elie Kedourie dan Sylvia G. Haim. London: Frank Cass.
- Laqueur, W. 2003, *The History of Zionism*. London: I.B. Tauris.
- Lehman, C. 2017. PFLP Reiterates Call to Confront Oslo Accords, Criticizes Al-Fateh, Palestinian Authority and Hamas. Dalam. IMEMC News. 3 April 2017. <https://imemc.org/article/pflp-reiterates-call-to-confront-oslo-accords-criticizes-al-fateh-palestinian-authority-and-hamas/>. Diakses pada 6 Ogos 2025.
- Lesch, M. A. 1979. *Arab Politics in Palestine, 1917-1939: The Frustration of a Nationalist Movement*. Ithaca: Cornell University Press.
- Makovsky, D. 1996. *Making Peace with the PLO: The Rabin Government's Road to The Oslo Accord*. United States: The Washington Institute for Near East Policy, Westview Press. Inc.
- Mondoweiss. 2024. 'October 7 proved the importance of the struggle to the world': an interview with Palestinian icon Leila Khaled'- An interview by Bayan Abu Ta'ema and Synne Furnes, 23 Desember 2024. Dalam <https://mondoweiss.net/2024/12/october-7-proved-the-importance-of-the-struggle-to-the-world-an-interview-with-palestinian-icon-leila-khaled/> Diakses pada 9 Jun 2025.
- Morgan, R. 1989. *The Demon Lover: On the Sexuality of Terrorism*. London: Mandarin.
- Muhamad Hasrul Zakariah. 2010. "The Uprising of the Fedayeen Against the Government of Jordan, 1970-1971: Declassified Documents from the British Archive", *International Journal of West Asian Studies* 2 (2): 47-64.

- Muhammad Y. Muslih. 1988. *The Origins of Palestinian Nationalism*. New York: Columbia University Press.
- New Internationalist. 2023. The Interview: Leila Khalid by Marta Vidal, 25 July 2023. Dalam <https://newint.org/features/2023/06/05/interview-leila-khaled-palestine> Diakses pada 11 Jun 2025.
- Palestine National Assembly, PNA. 1975. *The Struggle of Palestinian Women*. PNA Research Centre of the PLO: Beirut.
- Palestine Royal Commission Report*. 1937. A Report Presented by the Secretary of State for the Colonies to Parliament by A Command of His Majesty. London: HMSO.
- Peteet, J.M. 1991. *Gender in Crisis Women and the Palestinian Resistance Movement*. New York: Columbia University Press.
- Porat, D. 2022 "The Hijacking of El Al Flight 426: The Advent of Air Terrorism", *Journal of Contemporary History* 57 (4): 1072-1088.
- Porath, Y. 1974. *The Emergence of the Palestinian Arab Nationalist Movement, 1918-1929*. London: Frank Cass.
- Pryce-Jones, D. 1974. *The Face of Defeat*. London: Quartet.
- Quandt, W. B. 1986. *Camp David: Peace Making and Politics*. Washington, D.C: The Brookings Institute.
- Rapoport, D. 2004. "The Four Waves of Modern Terrorism". Dalam *Attacking Terrorism: Elements of a Grand Strategy*. Diedit oleh Cronin, A.K dan Ludes, J.M. Washington D.C: Georgetown University Press.
- Rogers, M. E. 1989. *Domestic Life in Palestine*. London: Kegan Paul.
- Said, E. 2004. *From Oslo to Iraq and the Road Map*. New York: Pantheon Books.
- Sayigh, R. 1979. *Palestinians: From Peasants to Revolutionaries*. London: Zed Books.
- Soueid, Mahmoud. 1998. "Taking Stock: An Interview with George Habash", *Journal of Palestine Studies* XXVIII (1): 86-101.
- Shlaim, A. 1994. "The Oslo Accord", *Journal of Palestine Studies* XXIII (3): 24-40.
- Shepherd, J.A. A letter to Long, C.W, Foreign and Commonwealth Office, London, 16 Januari 1970, file FCO17/1059. London: The National Archive.
- Singh, S. 2015. "Black September: A Turning Point in the Palestinian National Movement", *International Journal of Applied Social Science* 2 (5&6): 135-145.
- Sykes, C. 1965. *Cross Roads to Israel: Palestine from Balfour to Bevin*. London: Collins.
- Swedenburg, T. 2003. *Memories of Revolt: The 1936-1939 Rebellion and the Palestinian National Past*. Fayetteville: University of Arkansas Press.
- The Palestine Chronicle. 2014, 7 April. "For Me, Palestine is Paradise – Interview with Leila Khaled", in <https://www.palestinechronicle.com/palestine-is-paradise-interview-with-leila-khaled/#.U0LibK1dUts>. Diakses pada 7 Jun 2025.
- The Palestinian Pulse. 2024. Leila Khalid: Icon of Palestinian Liberation. Dalam <https://www.thepalestinianpulse.com/2024/06/22/leila-khaled-icon-of-palestinian-liberation-keynote-dilemmas-of-humanity-conference/> Diakses pada 9 Jun 2025.
- Tucker, J. 1985. *Women in Nineteenth Century Egypt*. Cambridge: Cambridge University Press.
- United Nations. 1995. Document The Question of Palestine: Israeli Palestinian Interim Agreement on the West Bank and the Gaza Strip, Washington, D.C., 28 September 1995. Dalam <https://www.un.org/unispal/document/auto-insert-185434/> Diakses pada 9 Jun 2025.
- United States Institute of Peace. 1993, 13 September. Declaration of Principles on Interim Self-Government Arrangements, 13 September 1993, Peace Agreement Digital Collection.

Dalam

https://www.usip.org/sites/default/files/file/resources/collections/peace_agreements/oslo_09131993.pdf . Diakses pada 9 Jun 2025.

Vinner, K. 2001. 'I made the ring from bullet and the pin of a hand grenade' . Dalam The Guardian, <https://www.theguardian.com/world/2001/jan/26/israel> . Diakses pada 23 Mei 2025.

Zeine, Z. N. 1973. *The Emergence of Arab Nationalism, With Background Study of Arab Turkish Relation in the Near East*. Edisi ke-3. New York: Caravan Book.

Woodrow, G.W. 1970. A Report 'West Bank Situation Political Affairs', from G.W. Woodrow, Acting British Council General, Jerusalem to R. M Evans, Foreign Office, file FO 17/1361. London: The National Archive.